

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

Jilid II

Bil. 3

Hari Rabu

27hb Mei, 1992

KANDUGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

Urusan Mesyuarat (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 3)

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah
- Y.B. Tuan Azman Atar bin Othman** (Ruangan 40)

DR.27.5.92.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu 27hb Mei 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 (petang)

DOA

[Tuan. Yang di-Pertua menpengerusikaa: Mesyaarat]:

PEHGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA,

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua :Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu Perutusaa daripada Dewan Rakyat yang, meminta. Dewan Negara. mempersetujui Rng Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

26hb Mei 1992

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rng Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Ncgara mempersetujukannya:—

- (1) Rng Undang-undaag Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);
- (2) Rng Undang-undang Tribunal Perkhidmacan Awam (Pindaan);

- (3) Rang; Undang-undang Pencen (Pindaan)
- (4) Rang. Undang-undang: Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)
- (5) Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan)
- (6) Rang. Undang-undang Arkitek (Piadaan)
- (7) Rang Undang-undang. Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No 2)
- (8) Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PKRTUA DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S, Samy Vellu];

Tuan Yang di-Pertua, saya, akaa mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

- (1) Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan);,
- (2) Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuaaa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);

- (5) Rang Undang-undang. Timbang dan. Sukat (Pindaan)
- (6) Rang Undang-undang. Arkitek (Pindaan)
- (7) Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No
2 >
- (8) Rang, Undang-undang Kanun Tanah. Negara (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN-

AKTA, PEMEGANG PAJAK GADAI 1972 - KELEMAHAN DAH ADUAN PEHGGUNA

1. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan. Tempatan menyatakan apakah kelemahan-kelemahan. yang terkandung dalam Akta. Pemegang Pajak Gadai 1972;

- (a) berapa banyakkah aduan-aduan yang telahpun diterima daripada, para. pengguna dari tahun 1990 hingga 1991 dan.
- (b) apakah keputusan yang dibuat setelah kajian dijalankan bagi mengambil kira keadaan semasa dan keperluan para, pengguna oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dibuat bersama oleh Kerajaan Persekutuan, khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan Kerajaan Negeri. Tugas dan tanggungjawab menyelia perjalanan pajak gadai dijalankan oleh kedua-dua pihak. Di Kementerian ada Pegawai Merinyu Pajak Gadai, begitu juga di Negeri-negeri, Walau bagaimanapun, penyeliaan harian lebih menumpukan peranan Pegawai Merinyu Peringkat Negeri. Aduan-aduan biasanya diterima dan diambil tindakan di peringkat Negeri.

Bagi menjawab soalan seterusnya

(a) Di peringkat Kementerian sehingga penghujung April

1992 sejumlah 19 aduan telah diterima 14 aduan di terima dalam tahun 1990 dan 5 aduan diterima dalam tahun 1991 belum ada aduan bagi tahun; 1992.

(b) Dari aduan—aduan yang diterima, masalah yang ditimbulkan oleh pengguna tidaklah begitu meruncing, dan ianya dapat diselesaikan dengan segera dan memuaskan

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi Tuan Yang: di-Pertua,soalan

tambahan. Adakah Yang: Berhormat sedar bahawa Kerajaan Kelantan yang cuba untuk mengurangkan kedai-kedai pajak. gadai. tetapi sebaliknya. telah berlaku di mana wujud. pertambahan: kedai pajakl gadai dt negeri:. berkenaan? Apakah tindakan-tindakan dilakukan oleh pihak. Kementerian?

Tuan Osu, bin Haji Sukam Tuan Yang, di-Pertua, seperti yang saya katakan, pelaksanaan Akta Pajak Gadai ini adalah dibuat bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa pelaksanaannya mengikut Akta yang terdapat sekarang. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri yang menjadi Pegawai Pclesenan yang berkuasa untuk. memberi lesen kepada mana-mana, pajak gadai yang difikirkan olah Karajaan Negeri perlu diadakan di negeri itu.

Memang kita mendapat maklumat bahawa Kerajaan Negeri Kelantan ada pertambahan di dalam pengeluaran lesea Pajak Gadai khususnya pajak gadai yang dilaksanakan. secara Islam.

Tuan Yang di-Pertua Yang. Berhormat Tuan Ng Peng. Hay

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd Salleh: Tuan Yang

di-Pertua dengau izin soalan NO.2

PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MEMBURUKKAN IMEJ MALAYSIA

2. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh [di bawah S.O.23(2)] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang; diambil terhadap setengah.setengah pemimpin kesatuan sekerja yang dianggap telah. menjejaskan imej negara, di. kalangan. kesatuan sekerja antarabangsa dan menjejaskan kedudukan ekonomi negara

1.6.92

8. Tuan Haji Dol bin Dolah minta Menteri Sumber Manuaia, menyatakan;—

- (a) apakah tindakan yang akan diambil, oleh Kerajaan terhadap. pemimpin kesatuaa sekerja yang memburuk-burukkan, nama baik negara ini di mata dunia dan
- (b) apakah pendirian Kerajaan dalam hal ini dan apakah Kerajaan telah mengambil langkah—langkah tertentu untuk memperbetulkan kesalahan maklumat tentang buruh negara akibat tindakan. pemimpin kesatuan. sekerja itu,

4.6.92

43. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Sumber Manusia menyatakan.. sama ada tindakan pemimpin Kesatuan Sekerja Malaysia mendesak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (I.L.O.) menyingkirkan Malaysia dari menganggotai I.L.O. akan merosakkan imej Malaysia dan jika nama Malaysia akan tercemar, adakah Kementerian. ini bercadang mengambil tindakan untuk mendisiplinkan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang angkuh itu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Dol bin Dolah pada 1hb Jun, 1992 dan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Azman Atar bin Othman pada 4hb Jun, 1992 men.gen.ai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sumber Manusia memang sedar-bahawa; ada sebilangan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang memburuk-burukkan nama baik negara ini di mata dunia dengan membuat aduan yang tidak tepat terhadap dasar-dasar Kerajaan mengenai perkara-perkara perburuhan kepada organisasi-organisasi kesatuan sekerja luar seperti International. Metalworker Federation (IMF) dan Pertubuhan, Buruh Antarabangsa (ILO). Kerajaan sentiasa mengawasi situasi ini dan mengkaji kesan-kesan buruk terhadap negara akibat dari tindak tanduk mereka itu. Tindakan sewajarnya akan diambil apabila perlu bersesuaian dengan kesan-kesan buruk yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertuan, dalam hubungan ini adalah jelas bahawa pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, yang terlibat mempunyai hasrat liar dengan tidak mengambilkira kepentingan negara. Mereka itu tidak wajar memegang jawatan sebagai pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbetulkan maklumat palsu tentang perkara-perkara perburuhan ialah dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan akhbar dan membidas kenyataan-kenyataan yang palsu badan-badan antarabangsa berkenaan. dari masa ke semasa supaya gambaran sebenar di negara ini dapat difahami oleh semua pihak di dalam dan diluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus memerhati dan mengawasi tindak-tanduk pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja kita yang bertindak secara sulit atau terbuka untuk kepentingan peribadi bukan untuk kepentingan kaum pekerja. Kerajaan yakin bahawa rakyat kita, teutamanya golongan pekerja, sudah sedar terhadap putar-belit dan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin kesatuan

sekerja ini yang, menjejaskan imej dan ekonomi. negarai serta-kepentingan. masyarakat pekerja sendiri Oleh itu ingin ditegaskan. di sini bahawa golongan pekerja sendirt harus lebih berjaga--jaga akan tingkah laku. daa dayar-niuslihat pemimpin—pemimpin mereka.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Tuan. Yang. di-Pertua,. saya. lagi bertanya tidakkah boleh difikirkan oleh pihak Kerajaan disabitkan oleh kerana yang selalu membrukkan imej negara di luar negeri ini merupakan pegawai-pegawai MTUC yang, mempunyai hubungan dengan, parti politik Pembangkang. Tidakkah boleh difikirkait iaitu sesiapa, yang mahu bertanding. di atas jawataa MTUC iai harus tidak memegang, jawatan dalam mana-mana parti Pembangkang

Dato' M Mahalingam: Tuan Yang. di-Pertua soalan dari Ahli Yang Berhormat. yang. berkenaan. adalah baik, Kementerian saya akan. mengambil perhatian. ataupun tiadakan tentang perkara ini.

Tuan. C, Krisnan: Tuan Yang. di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan berhubung dengan. pertikaian. mengenai kesatuan sekerja elektronik, Kerajaan Pusat tidak membenarkan untuk menubuhkan kesatuan sekerja elektronik peringkat kebangsaan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, apa sebabnya kakitangan ataupun pekerja-pekerja sektor elektronik tidak mahu menerima in house union, deagan izin, dan sebaliknya, mereka menuntut untuk satu kesatuan sekerja di peringkat kebangsaan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan pekerja-pekerja kilang elektronik telah banyak dipersoalkan. Pekerja-pekerja kilang ini telah diberi saluran yang efekttf dalam sistem kesatuan sekerja dalaman atau, dengan izin, in house union, untuk mengadu masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan menerima

perhatian berat pihak majikan dan Kerajaan, Saya percaya Ahli-ahli.

Yang Berhormat faham bahawa industri elektronik adalah salah satu industri yang, sangat sensitif dan mengalami persaingan hebat dalam pasaran antarabangsa.

Oleh itu Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menjamin pekerjaan bagi 120,000 pekerja industri ini dan juga sangat mengambil berat untuk mewujudkan iklim yang, baik, bagi menarik pelaburan asing ke negara kita. Maka dengan mengambil kira kepentingan negara pada keseluruhannya Kerajaan berpendapat masanya belum tiba untuk membenarkan menubuhkan kesatuan kebangsaan bagi sektor elektronik.

DOKTOR PAKAR KAJIPENYAKIT DI SABAH - MENEMPATKAN

3. Puan. Ida- Dumpangal Hee Ida. Undam minta Menteri Kesihatan meyatakan mengenai ketiadaan perkhidmatan doktor Pakar Kajipenyakit di negeri Sabah. Semua kes-kes penyakit seperti barah dan yang berkaitan dengannya terpaksa dirujuk ke Institut Makmal Penyelidikan-Kuala Lumpur atau Hospital Besar Kuching. Ini menyebabkan kelambatan penerimaan keputusan dan seterusnya kelewatan memberi rawatan kepada kes-kes berkenaan:

- (a) adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengisi jawatan doktor pakar kaji penyakit di Negeri Sabah dan
- (b) jikalau ada, bila dan jikalau tidak ada, kenapa.,

Timbalan Menteri Kesihatan. [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa seorang Pakar Kajipenyakit telahpun ditempatkan di Sabah pada 30hb April tahun ini.

PENEMPATAN- ORANG TUA-TUA DI PUSAT KHAS

A **Tuan. Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Perpaduan Negeri dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bahawa rancangan hendak menempatkan Orang-orang- Tua dari Rumah—rumah. Kebajikan sekarang ini ke suatu pusat khas dibina di tiap-tiap negeri itu tidakkah bercanggah dengan amalan atau ikutan anutan fahaman agama, masing-masing. Jika sedar, adakah perkara ini sudah dirujuk kepada setiap Jabatan Agama Islam dan adakah orang tua-tua ini diketahui setiap latar belakang, hidupnya supaya tidak menimbulkan sebarang pertelingkahan kemudian, nanti

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan: Masyarakat [Dato' **Napsiah bintr Omar**]: Tuan. Yang di-Pertua untuk maklumat Ahli Yang Berhormat,, Kementerian Perpaduan. Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak ada rancangan hendak menempatkan orang-orang tua, dari, rumah-rumah kebajikan sekarang ini ke satu pusat khas yang dibina di tiap-tiap negeri. Oleh itu, soal bercanggah dengan amalan. ataupun ikutan anutan fahaman agama masing-masing adalah tidak berbangkit.

Puan Hajah. Habidah binti Jusoh : Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan Saya ingia mendapat penjelasan Menteri Perpaduan Negara dan Pembanguana Masyarakat, mengikut pandangan Kerajaan kenapakah anak-anak kurang ataupun tidak menyayangi orang-orang tua mereka sejak akhir-akhir ini hingga menyebabkan orang-orang tua terpaksa ditempatkan di Rumah-rumah Kebajikan.

Keduanya, setakat manakah Program Masyarakat Penyayang berjaya hingga kini?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang, di-Pertua. berkenaan dengan soalan yang, pertama ini tadi bukanlah sahaja hari ini yang, kita tempatkan orang-orang tua di rumah-rumah- orang tua ini sebabnya rumah-rumah. orang tua ini telahpun didirikan sebelum lagi. kita-mewujudkan masyarakat penyayang ini atau Konsep Masyarakat Penyayang. ini. Daripada rekod laporan yang saya. dapati sejak. tahun 1998 ada; dekat 2,800. lebih orang-orang tua? yang, ditempatkan di 8 buah rumah; orang. tua yang dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan dan 6 buah. lagi rumah orang. tua yang ditadbirkan oleh pertubuhan sukarela tetapi dengan mendapat grant daripada. Kementerian

Jadi soalnya kenapa, hari ini anak-anak, tidak sayang. orang tua, saya, pua susah hendak jawab tanyalah anak-anak itu sendiri
[Ketawa]

Berkenaan dengan setakat mana masyarakat penyayang ini atau konsep ini berjaya ataupun. tidak pada. pandangan saya ini adalah satu-satunya usaha yang. susah hendak. diukur, bererti kita belia ada lagi kayu pengukurnya. Yang penting bagi kita ialah untuk mengetahui di sekeliling kita dan memupukkan juga semangat ini ,ini bukan sahaja tanggungjawab saya termasuk jugalah tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan rumah orang-orang tua ini, kedudukannya adalah terpencil dan kurang dilawati oleh orang ramai. Jadi, adakah Kementerian bercadang mendirikan rumah orang-orang tua di kawasan-kawasan masjid yang masih ada kawasan-kawasan lapang.

Data' Napsiah binti Omar :Tuan Yang, di-Pertua visi memang.. satu cadangan yang baik dan Kementerian sekarang ini memang berhajat ataupun memaag ada. program-program yang sedang berjalan hari ini uutuk mendirikan rumah-rumah. ataupun pondok-pondok bagi orang-orang tua ini di dalam suasana perkampungan ataupun di mana, kampung yang sedia ada, supaya mereka ini tidak terpisah. daripada kehidupan harian di dalam perkampungan

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato Mohd. Seth:

Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Apakah definisi orang tua dalam konteks yang Yang Berhormat terangkat tadi [Ketawa]

Dato Napsiah binti Omar :Tuan. Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan itu supaya dapat saya memberi definisinya. Mengikut Bangsa-bangsa Bersatu definisi 'orang tua' ini ialah, mereka yang berumur 60. tahun ke atas. Ingin say. memaklumkan iaitu mulai tahun lalu, 1hb Oktober adalah diisytiharkan sebagai Hari untuk Orang. Tua, iaitu. Day of the Elderly. Jadi tahun ini, insya Allah, kita akan meraikan hari warga tua pada 1hb Oktober.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Atar : Tuan Yang. di-Pertua saya cuma. ingiit bertanya iaitu. apakah di negeri Kelantan sekarang pencen telah diberikan kepada orang-orang tua, sepertimana yang dikempen oleh mereka

Dato'Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional yang ada hari ini tidak akan menepati janji yang dibuat oleh parti Pembangkang, iaitu Parti PAS kalau tak silap saya yang membuat perjanjian- untuk memberi \$100 pencen kepada tiap-tiap orang tua yang berumur 60 tahun ke atas, tetapi nampaknya janji hanya tinggal janji kosong sahaja. Inilah dia kalau orang Kelantan tak sedar, saya rasa tak tahulah saya hendak sebutkan lagi.
[Ketawa]

UHVUKSIn/IHSTITUr PEHGAJIA» TIHGGI —
PEHGAMBILA» PELAJAR;

5-Tuan Neo Tuan Cheng; minta Menteri Pendidikan, menyatakan adakah pengambilan pelajar di Universiti-universiti dan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi dalam negara mengikuti keperluan dan kekurangan tenaga bagi negara dan apakah statistik keperluan dan kekurangan tenaga semua bidang pekerjaan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Fong Chan Onn] Tuan Yang di-Pertua, pengambilan pelajar-pelajar untuk memasuki universiti— universiti dan Institusi Pengajian Tinggi tempatan adalah berdasar— kan kepada keperluan tenaga-manusia mengikut sektor-sektor tertentu seperti perindustrian dan pertanian Penekanan juga diberikan kepada bidang profesional yang melibatkan bidang kritikal seperti bidang kejuruteraan, kedoktoran, perundangan dan perdagangan

Perancangan ini adalah berdasarkan kepada garis panduan yang terdapat di dalam Rancangan Jangka Panjang Kedua (RJP2), Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian dan Pelan Induk Perindustrian. RJP2 juga memberikan angka-angka terperinci mengenai keperluan dan kekurangan tenaga manusia yang diperlukan. Adalah disyorkan Ahli Yang Berhormat merujuk kepada rancangan tersebut.

PENGGAMBARAN FILEM OLEH SYARIKAT FILEM ASING

6. Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aris minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang telah sedang, dan akan diambil oleh Jabatan Imigresen: Malaysia di dalam usaha untuk membanteras kemasukan penerbit filem jurugambar dan krew mereka di dalam penerbitan produksi mereka menjejaskan imej negara dan memberi gambaran yang tidak benar mengenai Malaysia.

Setiausaha Parlimen. Kementerian: Dalam Negeri [Tuan, Ong. Kai

Ting] Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Filem Asing yang bertanggungjawab bagi menimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan penggambaran filem oleh syarikat filem asing dengan mengenakan syarat yang perlu bagi memastikan penggambaran filem yang berkaitan tidak memberi gambaran negatif dan menjejaskan imej negara

Penerbit filem, jurugambar krew dan semua yang terlibat yang melanggar peraturan yang ditetapkan akan dibatalkan Pas Lawatan (Iktisas) mereka dan diarahkan meninggalkan negara ini. Selain dari pada itu nama mereka akan disenaraikan ke dalam senarai larangan masuk imigresen.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin. Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan. Pertama, saya ingin bertanya iaitu apabila kelulusan diberikan kepada krew asing untuk menggambarkan sekitar negara kita, apakah kita ada pegawai kita yang mengikut ke mana mereka pergi?

Keduanya, saya ingin bertanya apabila krew ini sudah habis perfilemannya di negara kita, apakah filem itu diberikan kepada kita untuk kita tonton dan melihat apakah sebenar yang dia rakamkan?

Tuan Ong Ka. Ting: Tuan Yang di-Pertua, apabila kelulusan diberi kepada sesuatu krew asing untuk masuk ke negara ini, syarat-syarat telah ditetapkan iaitu di dalam pas lawatannya mereka kena mematuhi syarat-syarat yang tertentu. dan juga Jawatankuasa Filem Asing itu. akan memastikaa isi kandungan sesebuah filem. yang akan dirakamkan di negara ini adalah tidak. akan mendatangkan apa—apa kesan. negatif kepada negara, Apabila, mereka menjalankan kerja di sini, tempat-tempat yang; ditetapkan, tempat-tempat. yang telah dimasukkan ke dalam. permohonannya akan dikawal. oleh pihak yang berkuasa Kalau sekiranya mereka pergi ke tempat yang. tidak dilain—kan, maka tindakan akan diambil iaitu, mereka. sudah melanggar syarat. paa lawatan. iktisasnya.

Sepertimana saya terangkan tadi, apabila sesuatu filem itu sebelum ia dirakamkan, isi kandungan sudah kita menelitinya. Jadi sama ada dia hantarkan filem itu kepada kita, isi kandungannya—telahpun terlebih dahulu ditapis. Walau bagaimanapun, kalau apa-apa filem yang celah dirakamkan itu hendak ditunjukkan di dalam negara kita, maka filem itu kena dikemukakan kepada Lembaga Penapis Filem (LPF) untuk satu tapisan yang khas lagi. Itulah langkah-langkah yang Kerajaan ambil.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah Kementerian Dalam Negeri boleh terlepas hingga sebuah syarikat filem Australia yang membuat penggambaran filem yang bertajuk "Slow Boat from Surabaya" yang memburuk-burukkan imej negara ini boleh terus menjalankan penggambarannya, boleh menayangkan filemnya dan boleh menjejaskan imej negara kita di mata dunia?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua sebenarnya filem yang dibangkitkan itu bukannya dirakamkan di dalam negara, kita Kerajaan tidak pernah meluluskan filem yang disebutkan tadi. Sebarang filem yang dirakamkan di luar daripada Malaysia memang itu, di luar daripada kuasa kawalan kita. Akan tetapi, sekiranya filem yang telah dirakamkan itu hendak masuk ke negara kita, maka kita akan tapis dahulu. Kalau sekiranya sesebuah filem yang cuba memburuk-burukkan imej negara, kita telah ditayangkan di negara yang lain, Kerajaan akan melalui channel yang betul iaitu melalui Kementerian Luar Negeri akan membuat bantahan dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Tang, di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar ada filem-filem lucah turut diterbitkan oleh penerbit penerbit filem ini menggunakan lokasi tempatan dan pelakon-pelakon tempatan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya adapun semua itu dibuat secara haram dan secara tidak diketahui oleh pihak yang berkuasa. Jadi, siapa-siapa yang terlibat ataupun mana-mana pihak itu, semua perkara itu kita kira semuanya kegiatan haram. Kalau terdapat maklumat yang betul, kita akan tangkap mereka di bawah undang-undang yang sedia ada..

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sebab saya tak berapa puas dengan jawapan Setiausaha Parlimen sebentar tadi. Beliau kata sebelum rakaman, kita sudah tahu isi kandungannya. Jadi saya tidak faham macam mana kalau belum kita rakam, sudah tahu isi kandungannya. Mungkin isi

kandungan itu yang tertulis tetapi saya rasa yang penting di sini. bukan isi kandungan yang tertulis. Yang penting di sini ialah isi. kandungan dalant rakamanya sebab itu saya kata. elok diperketatkan rakaman yang dibuati tu mesti dipertontonkan. Kita tidak boleh harap kepada isi kandungaa yang tertulis yang ditunjukkan kepada kita sebab muhgin. ada perbezaan daripada apa yang ditulis dengan apa yang dirakamkan?'

Tuan Ong Ka Ting: Tuan. Yang. di-Pertua apa yang, penting sebelum sesebuah filem itu dirakamkan, ceritanya atau isi kandungannya mesti ditapis dahulu. Apabila mereka melaksanakan. rakaman itu: sekiranya terdapat sebarang penyelewengan, apabila kita dapat maklumat begitu maka. pihak berkuasa,, sama ada Imigresen atau. Polis akan mengambil tindakan, Kita boleh berhentikan mereka, membatalkan pas Lawatan dengan serta-merta dan kita usirkan mereka keluar Itulah langkah-langkah yang kita boleh buat.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang- di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah tempat-tempat yang tidak dibenarkan seperti yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi apabila menimbangkan permohonan orang-orang luar datang ke negeri kita. Saya bertanya soalan ini sehubungan satu filem yang telah diciptakan di negeri Sarawak di mana mereka itu sebenarnya memfilemkan filem itu di sekitar Kuching tetapi ada sebahagian daripada filem itu yang telah digunakan untuk memburuk-burukkan nama negara kita.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua tempat-tempat yang dikatakan tidak dibenarkan maksud saya ialah apabila mereka memohon untuk merakamkan sesuatu. filem dia sudah memberikan tempat-tempat yang dia hendak. pergi buat rakaman, tetapi apabila krewnya pergi ke tempat selain daripada apa yang dia minta maka kita tidak tahu tempat itu bukan sebenarnya apa yang telah kita, luluskan. Jadi, tempat itulah kitat katakam tempat yang. tidak dibenarkan. Kalau dia datang sebagai pelancong, itu lan, dia pergi tengok-teugok itu lain. Kalau hendak pergi buat rakaman luar daripada permohonannya itu adalah satu perkara peayelewengan.

Untuk filem yang, dikatakan telah dirakamkan. di Sarawak yang sebenarnya kita tidak. meluluskan sebarang tayangan, seumpama itu untuk dirakamkan di Sarawak. Apa yang berlaku ialah ada di antara pihak-pihak itu dia gunakan alat-alatnya sendiri untuk membuat rakaman dengan cara sendiri dan kemudian dia cuba cantumkan menjadi satu filem dan filem itu tidak pernah diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa. Jadi, untuk golongan ini, memang satu perkara yang. tidak diizin atau disahkan, dan kita tidak boleh kata pihak berkuasa tidak benarkan mereka berbuat demikian sebab dia buat secara tidak ketahuan pihak berkuasa.

PERBADANAN USAHAWAH NASIOHALBERHAD - STRATEGI

7.Jen (B)Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Perdana Menteri menjelaskan setakat ini apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Perbadangan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) di dalam mencapai objektif yang telah diamanahkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr Abdul Hamid bin Othman]:Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini dibahagikan kepada 3 butiran..

- 1 PUNB ditubuhkan pada 17 Julai 1991 untuk mencapai objektif-objektif berikut;
 - (a) Meningkatkan jumlah usahawan bumiputera dalam sektor industri, dan perdagangan.
 - (b) Meneguhkan kedudukan usahawan bumiputera di dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana
 - (c) Melengkapkan usahawan-usahawan bumiputera dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanannya
- 2V Beberapa strategi pula akan diambil bagi menyokong pelaksanaan program-program pembangunan usahawan ini. Strategi-strategi itu ialah:—
 - (a) Menyediakan modal teroka atau pinjaman biasa tanpa sebarang cagaran.
 - (b) Menggunapakai konsep-konsep perniagaan tertentu seperti konsep payung untuk menjamin kejayaan usahawan bumiputera.
 - (c) Meningkatkan pembangunan sumber manusia serta menggalakkan penerapan sistem dan teknologi moden oleh masyarakat bumiputera.
 - (d) Mewujudkan rangkaian kerjasama di antara PUNB dengan agensi-agensi Kerajaan serta lain-lain institusi yang berkait dengan pembangunan usahawan.

3. Bagi mencapai matlamat-matlamat di atas PUNB telah mengambil tindakan-tindakan, berikut;
- (a) Mengadakan perjumpaan dengan agensi-agensi tertentu untuk mewujudkan rangkaian sokongan Agensi-agensi itu ialah:
 - (i) Syarikat Telekom Malaysia Berhad
 - (ii) Tenaga Nasional Berhad
 - (iii) SIRIM
 - (iv) Malayan Banking Berhad
 - (v) Citibank
 - (vi) Hongkong and Shanghai Bank
 - (vii) Bank Bumiputera Malaysia Berhad
 - (b) Memberi taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Cawangan Wilayah Persekutuan, Persatuan Pengilang-pengilang Melayu Malaysia dan bakal-bakal pengusaha barangan plastik.
 - (c) Memberi taklimat kepada 100 orang bakal usahawan bumiputera. Taklimat ini diadakan dari masa ke semasa di PUNB
 - (d) Mengadakan ujian keupayaan mengurus sebelum bantuan kewangan atau pengurusan diberikan. Seramai 75 orang usahawan bumiputera telah dipilih untuk menjalani ujian ini dan dari jumlah itu, PUNB telah menerima 70 cadangan projek dan sebanyak 21 cadangan projek telahpun diteliti. Adalah dijangkakan menjelang akhir Julai 1992 ini sebanyak 10. projek akan dapat ditaja oleh PUNB.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang, di-Pertua soalan tambahan. Adakah PUNB akan berusaha menyatukan atau mengambilalih tugas- dan tanggungjawab institusi dan agensi yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang, sama terutama untuk mewujudkan ramai usahawan IKS supaya tidak wujud penduaan, atau, dengan izin duplications, dengan izin

Dato'Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang, di-Pertua, fungsi utamat PUNB ditubuhkan ialah. untuk menyelaraskan semua kegiatan-kegiatan dan pembangunan usahawan bumiputera. Sudah tentulah apabila ada pertindihan di mana-mana PUNB akan menyelaraskan

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang, di-Pertua soalan tambahan Sejak PUNB- dilancarkan pada awal tahun ini berapa banyakkah jumlah pinjaman daa juga jumlah modal peneroka yang telahpun diusahakan?

Dato'Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini sangat detail, maka saya akan menjawab secara bersurat.

PENJUALAN UBAT-UBATAN TANPA TAULIAH PERUBATAN PENGAWALAN

8. Tuan V-K Sellappan minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) Adakah Kementerian sedar bahawa ada sebilangan besar pengguna yang tidak sedar akan kesan sampingan yang wujud akibat dari penggunaan ubat-ubat yang dibeli terus dari syarikat-syarikat (direct selling companies) serta dari agen-agen penjual yang tidak mempunyai tauliah perubatan; dan

- (b) apakah, tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian: untuk mengawal penggunaan ubat-ubat ini dari, terus- merebak secara meluas.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan. Mohamed. Farid bin Ariffin] Tuan Yang dt-Pertua

- (a) Ubat-ubat yang dibeli terus daripada syarikat-syarikat ataupun direct selling, companies serta daripada agen-agen penjual yang tidak mempunyai tauliah iaitu tauliah perubatan adalah ubat-ubat yang tidak mengandungi bahan—bahan racun yang berjadual seperti. yang ditafsirkaa di bawah Akta Racun 1952. Ubat-ubat ini biasanya terdiri daripada vitamin-vitamin dan logam—logam yang didapati di dalam makanan biasa
- (b) Untuk mengawal penggunaa ubat-ubat tersebut, Kementerian Kesihatan. telah melaksanakan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik. 1984. Semua, ubat-ubat termasuk ubat-ubat yang tidak mengandungi Racun Berjadual perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah ataupun. PBKD Kementerian Kesihatan. Ubat-ubat ini dinilai dari segi keselamatannya, kekesanannya dan mutunya sebelum didaftarkan dan dibenarkan penjualannya di pasaran tempatan.
- Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 juga memerlukan semua pengilang, pengimport dan

pemborong. ubat-ubat berdaftar mendapatkan lesen-lesen tertentu daripada PBKD Tarikh akhir untuk memohon lesen-lesen berkenaaa untuk ubat-ubat yang tidak, mengandungi Racun Berjadual ialah 31 Mei 1993. Selepas tarikh ini, pengilang pengimport dan pemborong keluaran-keluaran berdaftar tidak akart dibenarkan mengilang mengimport dan memborong keluaran-keluaran berdaftar jika permohonan. untuk lesen-lesen berkenaan belum dikemukakan kepada PBKD.

Datuk. Hajr Ahmad. bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua adakah ubat-ubat yang. dijual oleh orang. ramai di tepi jalan yang selalu. dikatakan ubat kuat menaikkan syahwat dan lain-lain lagi [Ketawa] ubat itu adakah merbahaya atau tidak? Sekiranya merbahaya, apakah tindakan Kementerian terhadap penjual ubat yang bersepah di kaki-kaki lima?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada tujuan untuk kita mendaftarkan ubat-ubat yang dikatakan mempunyai aplikasi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi termasuk mungkin yang berkaitan dengan rohani ataupun syahwat, adalah untuk mengurangkan penjualan ataupun menghapus penjualan—penjualan ubat yang sedemikian di tepi-tepi jalan.

Jadi, yang pentingnya sekarang ialah kita mahu orang ramai sedar bahawa mereka tidak patut terperangkap dengan dakyah, dengan. gendangnya, dengan. rambutaya yang panjang, dengan silap matanya untuk menjual ubat itu kepada orang ramai. Dan jika sekiranya orang ramai mengizinkan dirinya terdedah kepada dakyah-dakyah

tersebut dan membeli ubat tersebut siapa yang bertanggungjawab, orang ramai ataupun Kerajaan. Oleh kerana itulah maka kita telahpun mengambil Langkah-langkah yang perlu untuk menentukan pada tahun 1993 nanti iaitu 31hb Mei iaitu hampir setahun daripada sekarang. semua. ubat-ubat yang dikatakan mempunyai tiga perkara tadi, iaitu satu keselamatannya aplikasinya; dan juga mutunya yang, tinggi mestilah didaftarkan dan dengan sekali gus ubat-ubat yang tidak didaftarkan tidak boleh dijual dan jika didapati mereka itu menjual juga, maka tindakan-tindakan perlu akan diambil.

PERKHIDMATAN POS -MENAIKAN TARAF

9. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan adakah rancangan. untuk menaikkan taraf Perkhidmatan. Pos. di mana bangunan baru, yang Lengkap sebagai sebuah pejabat pos besar bertaraf negeri di. Labuan, Jika, ada,. bilakah ianya akan dilaksanakan;

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato'Seri S.SamyVellu]:

Tuaa Yang, di-Pertua, sesuai dengan perkembangan, yang berlaku di Wilayah Persekutuan. labuan, di, dalam Rancangan Malaysia Keenam iaitu. tahun 1991 hingga 1995 Pos Malaysia memang mempunyai rancangan untuk mendirikan sebuah Pejabat Pos baru yang lebih besair dan sesuai dengan keperluan yang, wujud bagi menggantikan Pejabat Pos yang sedia ada sekarang.

Pada masa ini permohonan tapak bagi mendirikan Pejabat Pos berkenaan seluas satu ekar telah diluluskan dan sedang menunggu Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan. Labuan mengeluarkan hakmilik.

Tuan Hg Peng Hay Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang akan. diambil terhadap penyelewengan kakitangan Perkhidmatan Pos yang telah bijak, dengan izin, cek-cek yang dipulangkan oleh MIDF, dan bagaimana Kementerian akan dapat memastikan supaya penyelewengan ini tidak akan berulang lagi?

Dato'Seri S Samy Vellu : Tuan Yang di-Pertua apa yang ditanya oleh Yang Berhormat itu ialah berkaitan dengan tuduhan tuduhan sahaja Sebelum seseorang, diambil atau disiasat oleh Polis saya. tidak boleh mengatakan mereka itu salah atau. tidak. Saya percaya pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Pos, tidak ada kaitan dengan, ini tetapi kita tunggulah sampai Polis menyiasat atas-perkara itu dan selepas itu kita akan menimbang apakah tindakan yang harus diambil ke atas mereka

Toant Ng Peng Hay: Tuan Yang. di-Pertua, saya membawa soalan ini kerana saya membaca berkenaan dengan kenyataan yang telah diumumkan oleh pihak, Polis selepas mengadakan siasatan.Itu sebab saya timbulkan soalan ini

Dato'Seri Samy Vellu: Tuan Yang. di-Pertua, Polis mengumumkan mereka menyiasat sahaja. Tetapi Polis bukan mengumumkan bahawa mereka ini sudah salah ataupun Polis tidak mengumumkan bahawa mereka sudah mendapat maklumat berkenaan dengan mereka ini.Janganlah kitapun jadi macam Pembangkang sebelum kita tuduh kita hendak memberi hukuman kepada mereka

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:Tuan Tang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Pembangkang mana yang membuat kelakuan yang demikian rupa?
[Ketawa]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya percaya Ahli Yang Berhormat tahulah kita baca suratkhbar tiap-tiap hari itu satu parti yang terkenal, iaitu DAP.

Turau Annait Afar~' biit Othmant Tuair Yang; di-Pertua.> saya; bersetuii. dengan. j.awapaa.' daripada: Yang. Berhormat Menteri.- tadi... Walaur macant manapunv adakah. pihak; Jaba.tan. Pos tnengambil tindakan. dari aegi disc-iptinary actiott terhadap mereka,. walaupun: darl segi. jenayah mereka raungkia belunt didapati salah.?' Walau. macammanapun,. saya? harap apa yang, disebutkaa oLeh. Yan& Berhormat tadi pada kami Dewau Negara; juga begita bertanggungjawab- dair sekiranya; orang-, icu; belum didapatl bersalah, kami tidak. akait mengatakan dia. salah,. termaauklah- apa. yang, dituduh. oleir Pembangkang: terhadap' Yang, Berhormat. Dato' Menteri aendiri daa kami akatt mempertahankan. Yang. Berhormat: seberapa boleh- jangait susah.. [Ketawa]

Toaa Yang di-Pertua.:. Inl bukan soalaitv [Ketava-3-

TERHAKAH IKAH - BAWTUAH,

LO. Tuan K. Munisamy minta. Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah- Kerajaan memberi dorongan kepada: para pentemak ikan dengan memberi anak-anak ikaa dengan' percuma, jika ya, apakah langkah-langkah yang patut diambil oleji seorang pentemak ikan untuk memperolehi kemudahan ini;
- (b) adakah penawaran ikan bagi pengguna tempatan mencukupi. Berapa peratus ikan diimport oleh Kerajaan untuk memenuhi permintaan pengguna tempatah dalam setahun; dan
- (c) apakah langkah-langkah dan strategi-strategi Kerajaan untun raenambahkan pengeluaran ikan di negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato'S Subramaniam]: Tuan Yang.
di-Pertua,. bagi menjawab,

- (a) Pemberian bantuan, benih. ikan secara percuma. adalah merupakan salah satu daripada perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan melalui Jabatan Perikanan, untuk menggalakkan. perkembangan industri ternak air dan membantu para penternak ikan di negara ini. Penternak. ikan yang, layak menerima bantuan ini, perlu mempunyai kolam ternakan sekurang-kurangnya 0.1 hektar dan tidak melebihi 2 hektar atau melebihi projek ternakan ikan dalam sangkar, tidak melebihi 16 buah sangkar tiap-tiap satu. berukuran 3 meter x 3 meter x 2 meter. Bantuan benih ikan diberi secara percuma bagi pusingan yang pertama sahaja mengikut kadar bantuan berdasarkan keluasan kolam. Penternak yang ingin memperolehi bantuan itu perlu mengemukakan permohonan melalui Pejabat Perikanan Daerah yang hampir dengan tapak projek mereka.
- (b) Penawaran ikan bagi pengguna tempatan adalah tidak mencukupi. Dalam tahun 1990 lebih

kurang 10% berangan perikanan yang diimport oleh negara adalah untuk memenuhi permintaan pengguna tempatan. Walau bagaimanapun, dari segi nilai eksport, adalah melebihi import, sebanyak \$225 juta bagi tahun 1990

(c) Langkah-langkah, dan, strategi-strategi Kerajaan untuk menambah pengeluaran ikan di negara, kita, adalah seperti berikut:

(i) Bagi sub-sektor perikanan Laut pantai, aktiviti-aktiviti pengurusan dan pemuliharaan sumber perikanan telah dilaksanakan seperti membina tukun tiruan sebagai tempat, perlindungan dan pembiakan ikan, dan telah membangunkan beberapa pulau sebagai taman rizab laut. Ini adalah untuk memastikan tahap pengeluaran ikan yang ada sekarang dapat dikekalkan tanpa menjejaskan kedudukan sumber.

(ii) Bagi sub-sektor perikanan laut dalam, strategi yang lebih dinamik telah dilaksanakan seperti meningkatkan latihan laut dalam, meningkatkan kaedah dan teknik

menangkap ikan dan menerokai sumber yang belum diterokai dengan optima. Dalam hal ternak air, langkah telah diambil untuk mengubah corak pembangunan dari skel kecil kepada skel dagangan dengan menggunakan teknologi dan pengurusan mahir. Langkah-langkah juga telah diambil untuk membanunkan ternak air melalui, khidmat sokongan, penyelidikan, perkembangan, latihan dan pembangunan in—situ. Di samping itu, spesies terpilih yang mempunyai potensi teknikal dan pasaran telah digalakkan.

Tuan Haji Mohamed. Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kurangnya pengeluaran ikan di dalam negara kita ini, adakah kerana ikan tidak ada ataupun kerana orang kita tidak menangkap ikan, untuk memastikan strategi kita?

Dato' S. Subramaniam: Tuua Yang di-Pertua, sebenarnya ikan dalam negara kita adalah mencukupi, tetapi pada keseluruhannya industri ini adalah masih satu industri yang tumbuh atau growing industry. Maka Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dari segi menangkap ikan di laut dalam dengan bot-bot yang besar dan baru dengan pengurusan yang moden.

Bagi ikan ternak air kita juga mengambil beberapa langkah untuk, menambahkan penangkapan, dan juga hasil daripada ternakan yang dijalankan di atas tanah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Puan Hajah Azmah binti Haji Ismail.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin pertanyaan yang ke 11

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN- FUNGSI

11. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** [di bawah S.O23(2) minta. Menteri Sumber Manusia menyatakan berhubung dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja-pekerja

- (a) apakah tujuan dan fungsinya Akta tersebut diwujudkan di negara ini dan siapakah yang akan mendapat perlindungan di bawah Akta ini
- (b) pekerja-pekerja dari jenis apakah yang dilindungi di bawah Akta tersebut seperti, kakitangan Kerajaan, pekerja-pekerja swasta, pekerja-pekerja alam atau pekerja-pekerja dari tentera laut dan udara atau lain-lain lagi dan
- (c) apakah kebaikan Akta Kilang dan Jentera yang baru yang menggantikan Akta Kilang dan Jentera tahun 1967 dahulu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam proses untuk diwujudkan bertujuan untuk mengadakan satu undang-undang yang menyeluruh bagi melindungi keselamatan pekerja-pekerja di

tempat pekerjaan. Pada masa ini terdapat Akta Kilang, dan Jentera 1967 yang terhad kepada tempat-tempat atau premis-premis yang ditakrifkan sebagai kilang dan tempat-tempat di mana jentera digunakan, Oleh yang demikian, keselamatan dan kesihatan para pekerja di sektor lain tidak dilindungi di bawah Akta ini.

- (b) Akta baru yang, dicadangkan merupakan sebuah, dengan izin, enabling. Act, dan skopnya adalah lebih luas dan menyeluruh meliputi semua aktiviti ekonomi termasuk aktiviti pertanian, perladangan, perlombongan, pekerjaan sendiri dan lain-lain.

- (c) Akta keselamatan dan Kesihatan pekerjaan akan memperkenalkan pendekatan baru ke atas keselamatan. dan kesihatan pekerja berdasarkan kepada konsep dengan izin serf regulation di mana pihak, majikan dikehendaki mewujudkan sistem pengurusan untuk menjamia keselamatan dan kesihatan para pekerja. Akta baru ini mewajibkan majikan menubuhkan jawatankuasa keselamatan untuk mengawasi keselamatan dan kesihatan di tempat kerjanya Kementerian belum membuat keputusan, sama ada dengan adanya Akta baru. itu, Akta Kilang dan Jentera 1967 akan dimansuhkan kerana ini adalah satu akta yang dilaksanakan khusus ke atas kilang-kilang,

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan tidak bercadang untuk memperluaskan lagi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini kepada sektor yang lain?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia mengkaji cara yang sesuai untuk meliputi sektor awam dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perkhidmatan Tentera akan dikecuali kerana peraturan khusus bagi perkhidmatan tersebut akan dibuat.

PERDAGANGAN DUA HALA MALAYSIA VIETNAM

12, **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Mentri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada, wujud peluang-peluang pelaburan dari Malaysia di Vietnam hasil lawatan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Vietnam baru-baru ini.

Setiausaha, Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S Subramaniam]: Tuan Ying, di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya pada 25hb, bulan ini ketika dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong

Walau bagaimanapun, sebagai maklumat tambahan, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pertumbuhan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Vietnam ketika ini adalah menggalakkan. Jumlah dagangan antara kedua-dua negara, telah meningkat daripada \$138 juta pada tahun 1989 ke \$235 juta pada tahun ini (1991), mencatatkan kadar pertumbuhannya sebanyak 70%. Dagangan dua hala ini dijangka akan meningkat dengan kadar yang lebih pesat berikutan dengan lawatan Yang Berhormat Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini. Seramai 108 ahli sektor swasta telah menyertai delegasi Yang Berhormat Perdana Menteri dan di antara mereka telah berjaya merundingkan pengeksporan barangan Malaysia ke Vietnam bernilai sebanyak \$38 juta. Barangan eksport yang terlibat adalah barangan perubatan, peralatan refrigeration, barangan kertas, urea dan komponen-komponen komputer. Jumlah import dari Vietnam yang dirunding adalah sebanyak \$59 juta. Barang-barang import utama adalah beras, hasil lautan, perabot, tekstil dan lacquer wares, dengan izin. Jumlah pelaburan Malaysia di Vietnam pada ketika ini adalah sebanyak \$180 juta. Dan

PETRONAS. Carigali merupakan pelaburan yang, terbesar di kalangan pelabur-pelabur Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak \$162. juta. Syarikat lain yang terlibat dalam projek usahasama dengan Vietnam termasuk Public Bank Bhd Scansia. (M) Sdn Bhd, Trade Ocean Sdn Bhd Agrotek Co and Investment Corporation

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Vietnam pada 19hb hingga 24hb April, 1992 30 syarikat Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman dan Perjanjian-perjanjian dengan pihak Vietnam. Di antaranya, ialah:

- (i) Hotel Equatorial dan Arab Malaysia Development Bank untuk membina hotel di Bandar Ho Chi Minh yang bernilai \$63 juta
- (ii) Tropical Tanning; Corporation Sdn. Bhd. untuk melabur dalam industri perikanan bernilai sebanyak \$38 hingga \$75 juta
- (iii) Kumpulan Emas untuk membina tiga projek pembekalan air yang bernilai \$50 juta
- (iv) Arkitek Jururancang (M) Sdn. Bhd. bersetuju menjalankan projek rekaan pembangunan dan pembaharuan bandar Ho Chi Minh dan
- (v) Samen Holdings Sdn. Bhd. akan berusaha sama dengan Bason Shipyard Vietnam untuk menjalankan kerja-kerja membaikpulih kapal-kapal dan perkhidmatan maritim.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri jawapan, saya suka mengingatkan kepada pihak RTM dan juga wartawan kita, nama saya ialah S.S. Subramaniam dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, dan bukan dari Kementerian Kesihatan sebagai Yang Berhormat Dato K. Kumaran. [Ketawa]

Tuan Dahalan bin Haji Embum: Tuan Yang di-Pertuaty soalan tambahan saya ada, kaitan dengan usaha pelaburan duahala, tetapi tidak khusus kepada Vietnam iaitu. saya ingin tahu sekiranya ada kes penipuan sama ada oleh pihak pelabur Malaysia atau pelabur luar yang telah dikesan, sehingga terjejas usaha pelaburan antara dua hala. Sekiranya ada kes-kes penipuan ini, apakah tindakan yang telah diambil

Tuan S.S Subramaniam Tuan Yang di-Pertua,, Kementerian kita memang memandang dengan berat kes penipuan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau ada kes yang tertentu boleh dikemukakan kepada kita dan juga pihak Kementerian Dalam Negeri untuk kita menyiasat dan ambil tindakan yang berat di atas perkara ini.

Tuan Rahim bia Baba: Tuan Yang di-Pertua,soalan tambahan. Sejak Vietnam mengamalkan dasar ekonomi terbuka dari juga sejak Yang Amat Berhormat Dato'Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat lawatan, kita dapati banyak Kerajaan-Serajaan Negeri berlumba pergi ke Vietnam dan juga badan-badan korporat daripada Malaysia yang pergi ke Vietnam. Apakah tidak berlaku persaingan di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga badan koperat ke Vietnam dan apakah pihak Kementerian telah menubuhkan satu badan penyelarasan untuk pelabur-pelabur Malaysia untuk pergi ke Vietnam?

Tuan S.S Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada ketika ini susah untuk kita mengawalkan semua yang sedang melawat Vietnam untuk mengadakan perniagaan dengan Vietnam ini, tetapi boleh jadilah masa hadapan kita boleh mengkaji bagaimana kita boleh menyelaraskan semua usaha-usaha yang sedang diambil oleh kita untuk meningkatkan dagangan-dagangan dengan Vietnam itu.

AGENSI PELANCONGAN — JUMLAH

13.. **Datuk. Haji- Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Kebudayaan Kesenian. dan. Pelancongan. menyatakan

- (a) berapakah. jumlah agensi-agensi pelancongan yang masih bergerak aktif di seluruh Malayaia;
- (b) daripada jumlah tersebut berapa banyakkah agensi pelancongan- yang didaftarkan di bawah Kementerian Kewangan dan
- (o) di antara jumlah yang dinyatakan, berapakah- agensi pelancongan yang dimiliki sepenuhnya oleh Bumiputera

Setiausaha. Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman.]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah agensi pelancongan yang masih berdaftar dengait Kementerian dan. masib bergerak aktif di seluruh Malaysia adalah sebanyak 1,054 buah syarikat..
- (b) sehingga 13hb Mei, 1992, jumlah syarikat pelancongan dan. agensi pengembaraan yang telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan ialah sebanyak 148 buah.
- (c) di antara jumlah yang telah saya sebut tadi iaitu dari 1,054 buah syarikat sebanyak 324 agensi pelancongan adalah kepunyaan bumiputera sepenuhnya.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kmenterian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mempunyai pelan induknya sekarang untuk menjadikan industri pelancongan di Malaysia ini sebagai sebuah industri yang penting di negara ini dalam menuju Wawasan 2020?

Yang, kedua. bagaimanakah sambutan pelancongan-pelancong ke negeri Kelantan setelah negeri itu diperintah oleh PAS apabila, timbul. masalah isu hudud aurat, wanita dan sebagainya?

Dato'Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelan induk seperti yang, disebut oleh, Yang Berhormat setakat ini Kementerian memang, menuju ke arah untuk mengadakan pelan induk di mana kita, telah melantik juruperunding. Pada mulanya kita telah melantik satu Juruperunding, untuk merangka pelan induk pelancongan daripada JAIKA, dan baru-baru, ini kita telah melantik satu lagi Juruperunding. Nampaknya, setakat ini, walaupun perkara-perkara pokok di dalam perakuan-perakuan. yang dibuat kepada, Kementerian memang baik tetapi ada beberapa perkara lain yang tidak bersesuaian dengan Kementerian ataupun pendapat Kementerian, maka, setakat ini belumlah kita dapat melaksanakan untuk menganjur pelan induk pelancongan negara.

Walau bagaimanapun ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bagi piha Kementerian sendiri, kita memang dalam aktiviti untuk memastikan industri pelancongan mencapai kejayaan dan mengadakan langkah-langkah jangka panjang, dan jangka pendek di peringkat Kementerian sendiri. Ini adalah memandangkan kita tidak boleh menunggu untuk mengadakan Pelan. Induk tetapi kita maha memastikan bahawas industri pelancongan negara kita mencapai matlamat negara yang kita hasratkan

Bagi soalan yang kedua, memanglah setakat yang, kita, ketahui, bahawa pelaucong-pelancong, tidak begitu. geram sekarang, ini untuk melawat negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, kita selalunya diberi maklum balas pula oleh pihak negeri Kelantan kononnya pelancong-pelancong ramai datang, ke negeri Kelantan, Sebenarnya, apa yang kita tahu Kelantan sekarang ini menjadi sebagai tempat 'transit' sahaja daa mereka pergi ke tempat-tempat lain, barangkali ke negara negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hiagga 64 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]

USJL.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERT PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUA AGONG SULTAN AZLAH SHAH

Aturan Urusan. Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang, ditangguhkan atas masalah:

Bahawa, suatu ucapan, yang tidak, sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang, Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang, di-Pertua Agong demikian bunyinya

Ampun Tuanku

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia, di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana titah ucapan Kebawah Duli pada masa membuka, Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan (26hb Mei 1992)

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang, Berhormat, sebelum saya minta Yang, Berhormat Tuan Tiong Thai King menyambung saya meminta semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk ringkaskan ucapan masing-masing supaya semua Ahli-ahli boleh dapat peluang untuk berucap pada petang ini. Sekarang saya minta Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King untuk menyambungkan ucapannya.

Tuan Tiong Thai King: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyambung semula ucapan yang saya sampaikan kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya, Seri Paduka Baginda dalam Titah Ucapan pada tiap-tiap tahun sentiasa memberi penekanan kepada pentingnya memupuk dan mempereratkan semangat perpaduan dan sikap toleransi di kalangan rakyat kita. Perpaduan, kestabilan dan keamanan adalah asas bagi pembangunan dan kemajuan negara.

Dengan terwujudnya perpaduan kestabilan dan keamanan dalam negara kita dapatlah kita semua menumpukan sepenuh usaha dan tenaga untuk pembangunan negara ini adalah benar. Sepertimana kita ketahui negara kita kelak mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat dalam tahun-tahun kebelakangan ini

Tuan Yang di-Pertua selain dari itu, Seri Paduka Baginda juga mengingatkan kita supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap perkembangan dan pergolakan yang berlaku di lain-lain tempat yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat

Sehubungan ini saya ingin menyeru supaya kita semua elakkan diri daripada membangkitkan isu-isu yang berbau perkauman atau mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu yang boleh membinasakan perpaduan yang sedia terjalin itu

Tuan Yang di-Pertua, ketenteraman dan kesejahteraan hidup yang kita nikmati selama ini setakat yang tertentu adalah hasil dari usaha dan perkhidmatan pasukan keselamatan kita. Pasukan keselamatanlah yang menjaga keselamatan dalam negeri, mempertahankan kedaulatan negara. Mereka telah menunjukkan kebaktian, semangat keberanian dan pengorbanan dalam menjalankan tugasnya. Kerana itu anggota-anggota pasukan keselamatan hendaklah mendapat layanan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya tanggagaji bagi pasukan keselamatan iaitu Angkatan Darat, Angkatan Laut, Angkatan Udara, Pasukan Polis dan Pertahanan Awam dikaji semula dan diubah mengikut peningkatan belanja hidup semasa.

Tuan Yang di-Pertua selain dari itu anggota pasukan keselamatan. selalu dipindahkan, ke sana-sini kerana tugas dan kewajipan mereka. Mereka wajar diberi kemudahan yang, terbaik Setahu saya, dasar cuti dan perjalanan yang diperuntukkan kepada mereka oleh Kerajaan adalah rigid, kaku dan tidak flexible

Umpamanya bagi anggota Angkatan Tentera khususnya yang bertugas bersama. keluarga di Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak., peraturan-peraturan adalah seperti berikut:—

- (a) pemberian perjalanan percuma dihadkan hanya kepada tiga anak yang berumur 17 tahun ke bawah
- (b) anak cacat anak yang; menuntut di institusi pengajian tinggi dan anak yang di dalam tanggungan ibu bapa? tidak. diambil kira dan diberi kemudahan perjalanan
- (c) anggota-anggota Tentera mendapat hak bercuti setelah bertugas di Sabah dan Sarawak lebih 18 bulan.

Jika peruntukan-peruntukan tersebut benar, tentulah ianya akan memberi kesan negatif kepada anggota Angkatan. Tentera kita,

Tuan. Yang di-Pertua, demi integrasi nasional dan pembentukan keluarga penyayang, saya ingin mencadangkan bahawa:—

- (a) kemudahan bercuti diberi bagi semua tanggungan;
- (b) kemudahan perjalanan diberi setahun sekali atau dua bagi anak yang menuntut di institusi pengajian tinggi agar dapat menemui keluarga di Malaysia Timur;
- (c) anggota Pasukan Keselamatan yang bertugas bersama keluarga di Malaysia Timur kemudahan perjalanan sekali setahun atau dua tahun agar mereka dapat peluang ke Semenanjung untuk menemui ibu-bapa;
- (d) anggota-anggota mendapat kemudahan perjalanan untuk mendapatkan rawatan bagi anak cacat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kadar elaun khas bagi anggota yang berkhidmat di Malaysia Timur yang telah berkuatkuasa sejak 12hb November 1964.

Saya mendapat tahu bahawa pegawai. berpangkat Kapten ke atas diberi elaun khas dengan kadar harian \$10 pegawai berpangkat Leftenan Muda ke leftenan diberi \$ 8 sehari dan bagi Koperal hanya \$5 kemudahan peningkatan belanja hidup Kerajaan wajar dikaji semula dan memberi kenaikan yang, sepatutnya

Tuan Yang, di-Pertua cadangan-cadangan yang saya kenakakan tadi pada hemat saya akan meninggikan atau membangkitkan semangat mereka yang bertugas di Malaysia Timur serta menggalakkan dan merangsangkan anggota pasukan keselamatan berkhidmat di Malaysia Timur semoga ini akan juga bermanfaat bagr integrasi Nasional

Tuan Yang di-Pertua: saya dan rakyat Sarawak sangat gembira kerana Kerajaan kita akan terus memberikan keutamaan kepada, usaha-usaha untuk. mengurangkan perbezaan tahap pembangunan negeri-negeri dan mewujudkan pembangunan yang seimbang. Hasil daripada langkah-langkah yang diamalkan oleh Kerajaan. Pusat bersama usaha-usaha Kerajaan Negeri selama ini, pertumbuhan ekonomi negeri agak besar juga. Namun demikian, negeri kami yang mempunyai banyak sumber terpendam itu sememangnya boleh mencapai prestasi pertumbuhan. ekonomi yang lebih besar jika Kerajaan Pusat dapat memberi peruntukan wang yang lebih kepada negeri Sarawak demi mewujudkan pembangunan yang seimbang.

Kita ambil pembinaan lebuh raya Pan Borneo sebagai satu contoh. Untuk melaksanakan projek ini, Kerajaan telah mengambil masa panjang, beberapa tahun untuk merancang dan melaksanakan pembinaan lebuh raya itu daa sampai sekarang belum lagi disiapkan. Sebaliknya

di. Semenanjung pelaksanaan PLUS iaitu pembinaan lebuh raya Utara Selatan dan pembinaan Lebuh raya Timur/Barat dapat disempurnakan dalam masa yang singkat. Lain-lain contoh seperti pembinaan Rumah Sakit Sibulapangan Terbang Sibulapangan baru sahaja dijalankan tetapi dengan perlahan-lahan walaupun rancangan itu telah lama dibuat. Rakyat Sibulapangan sudah lama menanti-nantikan. Oleh yang demikian saya, berharap agar Kerajaan Pusat boleh memberi keutamaan Lebih kepada pembangunan negeri Sarawak demi kemajuan ekonomi negeri,

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara bagi mencapai taraf negara maju, Kerajaan harus berusaha dengan bersungguh-sungguh terus menarik pelaburan tempatan dan asing, ke dalam bidang perindustrian dan pertanian. Semua rakyat tanpa mengira kaum harus diberi layanan yang sama dan mereka juga harus dapat bekerjasama dan berusahasama dalam aktiviti-aktiviti ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan, kita tahu bahawa Kerajaan kita akan terus berusaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum terutama kumpulan termiskin di luar bandar dan juga berusaha mengurangkan jurang pendapatan. Kelihatannya Kerajaan telah berusaha dengan bersungguh-sungguh di Semenanjung selama 20 tahun ini, tetapi rakyat Sarawak terutama rakyat pedalaman dan penduduk lainnya di luar bandar belum dapat benar-benar merasai hasil usaha Kerajaan itu. Kerana itu saya berharap dan menyeru kepada Kerajaan terutama Kementerian berkenaan supaya dapat membuat tinjauan umum tentang kedudukan kemiskinan di Sarawak dan mengambil langkah—langkah konkrit dalam usaha membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua demi. untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, selain daripada penyediaan, kemudahan-kemudahan dan suasana pelaburan yang baik yang menguntungkan pembangunan sumber manusia yang ber— pengetahuan dan berteknologi adalah satu aset penentu yang, paling, penting dalam pembangunan ekonomi negara. Maka. usaha. ke arah. menyediakan tenaga, manusia yang berkualiti dan, mahir hendaklah dipergiatkan, Kedua-dua; pihak, iaitu. pihak Kerajaan dan pihak swasta hendaklah memainkan peranan masing-masing, Kerajaan, akan terus menyediakan lebih banyak. peluang. pendidikan dan latihan, misalnya latihan profesional, sekolah-sekolah teknik dan vokasional diperbanyakkan lagi di mana-mana. negeri. Bilangan univesiti Kerajaan ditambah dan di pihak swasta, selain dari usaha meningkat-kan. kemahiran pekerja mereka juga dibenarkan mengendalikan institut-institut pengajian tinggi. Dengan itu generasi muda; barulah mendapat peluang. melengkapkan diri dengan pengetahuan— pengetahuan yang saintifik dan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk mewujudkan golongan teknokrat yang berkualiti, kita harus berusaha menarik, memastikan, memupuk dan memajukan minat pemuda pemudi terhadap sains, teknologi dan perkembangannya sejak mereka masih kecil. Dengan itu generasi muda kita akan menaruh minat pada bidang ini suka mempelajari serta mendalami pelajaran sains dan teknologi. Untuk mencapai tujuan ini, terutamanya dalam bidang pendidikan, penekanan haruslah dititikberatkan kepada pelajaran sains dan teknologi. Selain daripada itu saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan dapat

memperluas dan melengkapkan pusat sains yang sedang dalam pembinaan di Bukit Kiara. Saya harap Kerajaan dapat mempercepatkan proses pembinaan supaya, bahan—bahan sains, termasuklah buku-buku, dan pengetahuan perkembangan sains dan teknologi dapat dlsusun dan dipamerkan.

Langkah ini dapat menarik minat para pemuda pemudi di negara ini terhadap ilmu, pelajaran sains, supaya mereka dapat menggunakan, ilmu, pengetahuan sains dan teknologi untuk menggunakan, sumber rakyat yang berkualiti dan mahir untuk menuju, Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat, boleh ringkaskan sedikitt

Tuan, Tiong Thai King: Tuan Yang: di-Pertua,. sekiait sahaja, dan sekali lagi saya menyokong usul mengucapkan junjung kasih Kebawah, Duli Yang, Maha Mulia; Seri Paduka Baginda Yang, di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang. Berhormat Puan Ida Dumpangal Nee Ida. Undam.

3.50 ptg.

Puan Ida. Dumpangal Nee Ida Undam: Tuan Yang. di-Pertua terlebih dahulu saya ingin, berterima kasih kepada Tuan, Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk berucap dalam Dewan yang mulia pada hari ini

USUL. Yang di Pertua saya ingat mengucapkan. tahniah kepada. Duli Yang, Maha Malia Seri Paduka. Baginda Yang, di-Pertuan Agong. Sultan Azlan Shah pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kelapan. kerana menyampaikan Titah Ucapan yang mengkagumkan di mana pada hemat. saya? ia membawa, penuh makna dan cabaran kepada warganegara. Malaysia. khususnya Kerajaan dan semua lapisan masyarakat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada. Kerajaan atas usaha-usaha untuk memastikan adanya perpaduan, kestabilan dan harmoni dalam negara kerana saya percaya ini merupakan unsur-unsur pokok ke arah mencapai kejayaan dalam semua bidang pembangunan di negara kita yang berbilang kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira kerana Kerajaan terus memberi keutamaan terhadap usaha-usaha untuk mengurangkan jurang perbezaan dalam tahap pembangunan yang dicapai oleh negeri masing-masing supaya pembangunan adalah seimbang di seluruh negara. Oleh itu dalam pemikiran saya ini boleh memupuk perpaduan dan keseimbangan dalam semua negeri di Malaysia kerana tidak satu pun

negeri akan merasa ketinggalan dalam proses untuk mencapai Wawasan 2020 menjadi kenyataan.

Saya menyokong penuh tindakan kerajaan untuk meluaskan infrastruktur fizikal, dari sosial di kawasan yang kurang pembangunan dan usaha-usaha mengenai masalah terhadap kemiskinan di mana mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dan membasmi kemiskinan terutama di kawasan yang termiskin di luar bandar.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana berterusan memberi sumbangan kepada Sabah dalam bidang pembangunan negeri seperti pembinaan hospital di Spitang, pembinaan lapangan terbang baru di Tawau serta peruntukan sebanyak \$46 juta kepada Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kemiskinan. Walau bagaimanapun saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Dewan yang dihormati bahawa Sabah dan juga Sarawak masih ketinggalan jauh dalam pembangunan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Saya percaya masih banyak perkara bagi Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan proses pembangunan di Sabah sungguhpun pada hakikatnya Sabah sebagai sebuah negeri Pembangkang. Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan boleh menggalakkan pertambahan peluang pelaburan di Sabah di mana sebaliknya menguntungkan Kerajaan Persekutuan dari segi pertambahan cukai hasil daripada pertambahan keuntungan daripada pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, satu langkah penting di mana Kerajaan Pusat boleh lakukan untuk mempercepatkan proses pembangunan negeri adalah melalui penyediaan infrastruktur fizikal yang cukup. Kemudahan asas seperti bekalan air, tenaga elektrik dan rangkaian

perhubungan yang baik adalah penting untuk pelabur-pelabur. Kesemua itu adalah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Bagi Negeri Sabah infrastruktur tersebut adalah masih kurang. Sehubungan ini polisi Kerajaan Pusat untuk menyediakan bekalan tenaga yang cukup kepada pembangunan perumahan dan industri dengan kadar tarif yang berpatutan patut diperluaskan di Sabah untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan asing di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kadar jenayah juga telah meningkat di Sabah dengan kemasukan pendatang tanpa izin yang kian meningkat. Perkara ini juga kurang menggalakkan pelaburan di Negeri Sabah. Misalnya bandar Sandakan yang pada satu ketika dahulu merupakan bandar yang berkembang maju, kini perniagaan adalah begitu lembab. Kedai-kedai ditutup lebih awal di Sabah disebabkan kadar jenayah yang meningkat dan bukan kerana kegagalan pihak Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi di kawasan tersebut seperti yang diperkatakan oleh beberapa buah parti pembangkang di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Kerajaan Pusat boleh membantu dalam proses pembangunan sesebuah negeri. Di Sabah langkah pembangunan negeri mempunyai kaitan rapat dengan isu keselamatan. Dan tentang isu keselamatan adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat terutamanya dalam bidang Imigresen untuk mengawal pendatang-pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pendatang tanpa izin, izinkan saya untuk menekankan di Dewan yang terhormat ini bahawa ramai pendatang haram telah dipercayai memperolehi kad pengenalan Malaysia. Tindakan ini jika tidak dikawal segera akan mendatangkan

masalah yang boleh memberi kesan buruk terhadap masa hadapan negara kita, khususnya negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, seringkali saya bertanya pada diri saya sendiri bagaimanakah pendatang haram boleh menunjukkan kesetiaan kepada negara kita? Adakah mereka mempunyai perasaan patriotik dan nasionalisma kepada negara kita. Walaupun saya sedar isu mengenai pendatang haram telah ditekankan beberapa kali sejak dari dulu nampaknya sehingga ke hari ini tidak ada langkah yang konkrit dibuat oleh Kerajaan Pusat dalam hal ini.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bangun. Boleh minta laluan.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undam: Sila.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat yang berucap, Tuan Yang di-Pertua, iaitu bagaimanakah kita boleh percaya iaitu bahawa pendatang haram ini boleh taat dan setia kepada negara. Saya cuma ingin bertanya iaitu adakah Yang Amat Berhormat Jeffrey Kitingan pendatang haram? Ataupun dia adalah rakyat Malaysia.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undam: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita maklum, Yang Amat Berhormat Jeffrey Kitingan sampai ketika ini belum lagi diconfirmkan dengan izin yang dia itu bersalah. Jadi tidak boleh dibandingkan perkara ini dengan hal Yang Amat Berhormat Dr. Jeffrey Kitingan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undam: Tuan Yang di-Pertua,

mengenai isu pasukan keselamatan kita, saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka atas perana mereka dalam menyumbangkan kepada kedamaian dan keselamatan dalam negara kita. Walau bagaimanapun masih ada ruang untuk memperbaiki disiplin angkatan tentera kita. Beberapa laporan dalam suratkhobar yang dilaporkan ketiadaan disiplin di kalangan pegawai Polis dan askar. Laporan suratkhobar tidak berapa lama dulu melaporkan satu kejadian yang berlaku di Wilayah Persekutuan Labuan di mana seorang Konstabel Detektif telah ditahan berhubung dengan satu kejadian tembakan yang menyebabkan kematian seorang lelaki di sebuah Lounge Karaoke. Peristiwa ini terjadi tiga bulan selepas berlakunya pergelutan yang melibatkan pegawai keselamatan yang bersenjata dan orang awam.

Beberapa minggu yang lalu pula adalah dilaporkan bahawa seorang Konstabel Polis dan seorang tentera telah ditahan oleh pihak Polis berhubung dengan tindakan merogol 2 orang gadis di sebuah hotel di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya langkah-langkah berpatutan harus diambil untuk memastikan supaya disiplin yang ketat harus dipertingkatkan terhadap pasukan keselamatan kita. Kalau tidak adalah menjadi satu hal yang malang.

Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz:[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta laluan?

Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih. Sebentar tadi saya tanya tentang Yang Amat Berhormat Jeffrey Kitingan, Yang Berhormat jawab dia baru sahaja didakwa, belum diambil keputusan bahawa dia bersalah. Saya ingin ambil keputusan di dalam soal Polis dan Tentera, apakah orang ini yang hanya baru dilaporkan perbuatannya itu ataupun dia sudah didapati oleh Mahkamah sudah bersalah? Kalau dia didapati belum bersalah di Mahkamah, saya ingat tidak adillah untuk Yang Berhormat secara keseluruhannya mengatakan bahawa tidak ada disiplin di kalangan Polis dan juga Tentera.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undam: Terima kasih., Tuan Yang di-Pertua, saya rasa walaupun belum didapati bersalah tetapi perkara ini telah berlaku. Jadi, untuk kebaikan rakyat, saya rasa disiplin Polis makin hari makin berkurangan. Jadi, saya rasa sudah sepatutnya pada ketika ini harus diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja Yang Berhormat? Sudah sampai 15 minit.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undam: Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya langkah-langkah tertentu harus diambil untuk memastikan supaya disiplin ketat harus dipertingkatkan terhadap Pasukan Keselamatan kita. Kalau tidak adalah menjadi satu hal yang, malang bagi kita kerana ketiadaan disiplin di kalangan segelintir Pasukan Keselamatan bukan sahaja memberi kesan kepada imej Lembaga Pasukan Keselamatan, malah sebagai warganegara Malaysia akan hilang kepercayaan dan hormat pada mereka. Untuk ini saya percaya masih ada peluang untuk memperbaiki usaha Kerajaan untuk membentuk satu masyarakat yang beretika dan bermoral tinggi terutama apabila ia berkenaan dengan pasukan keselamatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya memperhatikan bahawa Kerajaan telah menyediakan peluang-peluang untuk meningkatkan pelajaran dan latihan untuk kebaikan semua rakyat Malaysia terutamanya. Saya gembira dengan pengumuman oleh Kerajaan baru-baru ini untuk menubuhkan tiga buah pusat latihan vokasional dan satu Maktab Rendah Sains di Sabah. Saya juga gembira bahawa satu lagi Maktab Perguruan akan dibina di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Tindakan Kerajaan untuk memupuk.

Tuan Rahim bin Baba: [Bangun]

Tuan Yang di- Pertua: Yang Berhormat Rahim Baba minta penjelasan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tentang pengumuman projek-projek yang akan dilaksanakan di Sabah. Adakah projek ini datang daripada projek Kerajaan P.B.S. ataupun datang daripada Kerajaan Barisan Nasional?

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undan: Ini adalah peruntukan daripada Kerajaan, Pusat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undam: Tindakan Kerajaan untuk memupuk satu kebudayaan cemerlang di kalangan para pelajar juga sangat dialu-alukan. Kepujian juga harus diberi kepada Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan program-program latihan profesional di sekolah-sekolah teknikal dan vokasional diseluruh negara. Walau bagaimanapun, adalah menjadi harapan saya supaya Sabah tidak dikecualikan dari usaha Kerajaan untuk melaksanakan rancangan yang rasmi ini. Dengan itu, saya mengambil peluang ini menggesa Kerajaan untuk menubuhkan Institusi- institusi Latihan Vokasional seperti IKM dan sebuah universiti di Sabah. Izinkan saya mengatakan di Dewan yang mulia ini bahawa adalah kurang bernasib baik bagi rakyat di negeri Sabah kerana didapati bahawa institusi pengajian tinggi untuk menambahkan peluang- peluang menyambung pengajian mereka. Buat masa ini bagi para pelajar terpaksa ke Semenanjung Malaysia untuk tujuan tersebut.

Saya ingin menekankan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kebanyakan pelajar-pelajar di Sabah tidak mampu untuk membiayai perbelanjaan tambang kapalterbang yang mahal untuk pergi dan balik dari Sabah ke Semenanjung. Dalam konteks ini....

Tuan Azman Attar bin Othman: (Bangun)

Tuan Yang di- Pertua: Yang Berhormat Tuan Azman Attar bin Othman, minta penjelasan.

Tuan Azman Attar bin Othman: Minta penjelasan. Saya dengan Yang Berhormat tadi menyebut seolah-olah macam merayu di mana Sabah tidak ketinggalan mendapat kemudahan mahupun untuk pusat pengajian tinggi. Saya ingin tanya Yang Berhormat, terfikir atau tidak bahawa orang Sabah kalau dia menyokong Barisan Nasional, maka sudah barang tentu. Barisan Nasional akan diberi apa sahaja untuk kepentingan rakyat seperti yang kita berikan kepada negeri lain? Terfikir atau tidak Yang Berhormat, kalau tertikir marilah sama-sama kita sokong Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada ketika ini rakyat di negeri Sabah masih mahu dengan kedudukannya sendiri. Jadi, walau bagaimanapun, mereka ingin bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan itulah saya merayu dengan kemudahan yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Pengarah Jabatan Pendidikan Sabah juga telah mengatakan bahawa purata 50 hingga 60 pelajar dibuang dari sekolah-sekolah di Sabah setiap tahun atas sebab beberapa kesalahan. Saya bersetuju penuh bahawa guru serta ibu bapa bersama-sama memainkan peranan yang penting dalam mendisiplinkan pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun, bilangan guru-guru haruslah cukup dan mempunyai kelayakan serta dedikasi untuk mendidik pelajar-pelajar supaya menjadi rakyat Malaysia yang bermoral tinggi.

Tuan Yang di-pertua, baru-baru ini Jabatan Pendidikan Sabah telah menyatakan bahawa sebilangan besar pelajar-pelajar di Sabah adalah lemah dalam matapelajaran matematik dan dalam jangkamasa 4 tahun kebelakangan ini peratusan kelulusan dalam matapelajaran matematik adalah paling rendah di Sabah jika dibandingkan pencapaiannya dengan di Semenanjung Malaysia. Juga telah dinyatakan oleh Jabatan Pendidikan bahawa satu daripada sebab-sebab berlakunya kejadian ini adalah kurangnya para pendidik yang berkelayakan di negeri ini.

Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki keadaan ini serta mengambil perhatian tentang faktor-faktor yang menyekat profesional pendidikan yang baik di Sabah. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan suatu kebudayaan cemerlang para pelajar dan juga untuk meningkatkan pembangunan tenaga kerja keseluruhannya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama, dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang amat terhad, dalam membahaskan. Usul ini saya ingin menyentuh pada beberapa perkara.

Pertamanya ialah semalam semasa Timbalan Menteri Sumber Manusia menjawab satu soalan mengenai kekurangan tenaga kerja di Malaysia. sekarang ini, saya telahpun bertanyakan tentang jumlah tenaga kerja rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, tetapi malangnya pihak Timbalan Menteri telahpun memberitahu bahawa pihak. Kementerian tidak mempunyai data langsung mengenai kedudukan pekerja-pekerja negara ini yang ke luar negara yang bekerja di luar negeri.

Pihak Kementerian perlulah ingat bahawa kebanyakan daripada mereka ini pergi ke luar negeri semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun 1985, 1986 dan juga 1987. Dan sebenarnya mereka ini ke luar negeri, bukanlah kerana mereka tidak sayangkan negeri ini ataupun mereka lebih sayangkan negara lain, tetapi sebenarnya mereka ke luar negeri, mereka membuat sesuatu untuk kepentingan negara di mana mereka telahpun menghantarkan wang melalui foreign exchange, dengan izin, yang telahpun diperolehi oleh Kerajaan.

Di samping itu juga mereka meninggalkan negara ini mengurangkan beban yang dihadapi oleh ekonomi negara semasa itu, semasa pasaran pekerjaan terlalu meruncing dan sepatutnyalah pihak Kerajaan mengambil tahu tentang kedudukan mereka ini. Saya percaya mereka ini juga setelah empat ataupun lima tahun berada di luar negara tentunya telahpun menjadi satu tenaga mahir yang boleh dibawa balik ke negara ini dan di masa negara kita menghadapi kekurangan tenaga kerja ini, saya berharap pihak Kementerian akan menjalankan usaha-usaha supaya mereka ini akan dapat dibawa balik ke negara kita untuk berkhidmat ke dalam industri yang terdapat di Malaysia.

Saya menimbulkan ini kerana dalam jawapan Timbalan Menteri semalam, beliau menyatakan bahawa Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengadakan usaha-usaha atau galakan yang khusus bagi menarik mereka supaya balik dan juga bekerja di negara ini. Saya percaya pihak kedutaan luar kita akan boleh memberikan kerjasama untuk mendapatkan perangkaan (figures) tentang pekerja-pekerja kita yang berada di luar negara.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun membuat pengumuman bahawa pihak Kerajaan akan mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja di bidang perindustrian. Walaupun dari segi jangka pendek, ini mungkin merupakan satu perkara yang boleh kita terima, tetapi dari segi jangka panjang ianya boleh menjejaskan keadaan ataupun perancangan perindustrian yang akan dijalankan oleh pihak Kerajaan. Saya berharap pengambilan pekerja-pekerja asing di bidang perindustrian ini adalah merupakan langkah

sementara dan usaha-usaha hendaklah dijalankan supaya melatih anak-anak dalam negeri untuk mengambilalih kerja-kerja yang sekarang ini dijalankan oleh pekerja-pekerja yang kita import dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertun, saya percaya ramai daripada kita telah pun bercakap mengenai kemenangan Pasukan Piala Thomas kita untuk menjadi juara pada tahun ini. Kepada skuad badminton kita, mereka telahpun menunggu selama 25 tahun. Tetapi kepada saya sebagai seorang ahli politik, saya melihat satu suasana yang telahpun berlaku kerana pada masa itu saya berada di stadium iaitu pada 13hb Mei, 1992. Pada saya, saya telahpun menunggu selama 23 tahun, kerana pada masa yang sama pada 13hb Mei, 1969 kita masih ingat lagi kalau pada masa itu boleh dikatakan keadaan di mana kita berbunuh-bunuhan di antara satu dengan yang lainnya.

Tetapi dalam masa 23 tahun iaitu pada 13hb Mei, semasa Pasukan Piala Thomas kita melawan dengan pasukan negeri China, pada saya pada ketika itu telahpun terbentuk satu bangsa Malaysia yang telahpun diwawaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya berharap senario ini akan diteruskan dan kita telahpun berjaya melahirkan satu bangsa Malaysia di bidang sukan, dan saya berharap di bidang-bidang yang lain juga kita akan berjaya melahirkan satu bangsa Malaysia, seperti yang diharap-harapkan oleh Yang Amat Berhormat pucuk pimpinan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi, pada tahun-tahun 60an ataupun 70an, kalaulah berlaku pertandingan bolasepak di antara negeri China dengan pasukan Malaysia, boleh kita lihat hampir-hampir

setengah daripada Stadium Merdeka pada masa itu menyokong pasukan negeri China dan setengah lagi menyokong pasukan Malaysia. Tetapi setelah 23 tahun keadaan yang sama berlaku, saya dapat merasakan, kerana saya berada di stadium pada masa itu, satu keadaan di mana pada masa itu kita lupa bahawa kita ini orang Melayu, kita lupa bahawa kita ini orang Cina ataupun kita ini lupa bahawa kita ini orang India. Kalau keadaan ini dapat digambarkan, kalau keadaan ini dapat kita teruskan, saya percaya gagasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk melihat satu bangsa Malaysia akan tercapai dengan mudahnya. Dan saya berharap juga pada tahun 2020 kelak, kita tidak ada lagi rakyat negara ini yang akan menghadiri sebarang conference ataupun seminar yang berlandaskan, yang mewakili overseas Chinese ataupun overseas Indians ataupun sebagainya.

Kita tidak hendak lagi ada rakyat negara ini yang pergi ke Maldives Islands, umpamanya, hanya semata-mata mewakili negara ini sebagai overseas Chinese. Kita juga tidak mahu ada rakyat di negara ini yang pergi ke Sri Lanka - ini saya katakan pada tahun 2020 yang akan datang dan sekarang ini tidak mengapalah - yang pergi ke Sri Lanka mewakili negara ini sebagai keturunan Melayu ataupun sebagainya. Kita mahu pada tahun 2020 kelak, apabila diadakan Conference Overseas Chinese, tidak ada seorang pun rakyat daripada negara ini yang teringin untuk pergi. Tetapi apabila diadakan seminar ataupun perjumpaan Overseas Malaysians, barulah ada rakyat daripada negeri ini ataupun negeri-negeri lain yang sanggup datang ke seminar itu.

Saya: berharap juga bahawa kita harus faham bukanlah mudah untuk melahirkan satu bangsa Malaysia seperti yang diharap-harapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya percaya sepertimana yang telahpun saya katakan tadi di bidang sukan kita telahpun berjaya. Kepada saya kejayaan Piala Thomas itu kejayaan yang kedua. Kejayaan kita yang pertama ialah kejayaan kita dapat melahirkan satu bangsa Malaysia khasnya pada 13hb Mei. Kepada saya pada 16hb Mei itu adalah satu ekoran ataupun lanjutan daripada kelahiran satu bangsa itu.

Saya tertarik hati apabila saya melawat ke Sarawak baru-baru ini. Saya tahu kalau kita bercakap dengan orang Sarawak, mereka selalu mengaku bahawa diri mereka adalah Sarawakian, iaitu mereka bangsa Sarawak. Ini adalah kerana, saya mengambil contoh yang singkat ataupun yang mudah, pemandu yang membawa saya itu apabila saya bertanya kepada beliau apakah dia itu bangsa Iban? Beliau bercakap mengatakah dia adalah bangsa Sarawak, sebabnya ialah dia kata kerana bapanya Orang Puteh, emaknya orang Iban, jadi dia tak tahu hendak cakap dia bangsa apa. Dan sekarang ini pula dia kata, saya kahwin dengan orang Melayu, jadi anak saya ini saya hendak katakan bangsa apa? Jadi dia terpaksa menamakan anak dia dan diri dia sebagai bangsa Sarawak. Kita dapat melihat satu perpaduan yang tidak ada langsung perasaan perkauman di Sarawak. Saya percaya kalau konsep yang sama dapat kita panjangkan di Semenanjung, saya percaya pengelahiran satu bangsa Malaysia akan dapat dilaksanakan dengan cepat.....

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua

saya hendak tanya Yang Berhormat Tuan Rahim. Dalam ucapannya dia mengatakan bahawa dalam membentuk sata bangsa Malaysia, dia membangkitkan kebimbangannya itu mungkin perkara-perkara daripada segi perbezaan bangsa ataupun kaum itu boleh menjejaskan pembentukan bangsa Malaysia ini. Saya ingin bertanya kepada dia apakah di dalam negara Malaysia kita ini tidak pula ada ancaman daripada ~~maka~~ yang cuba hendak memisahkan kita daripada segi perbezaan agama?

Tuan Rahim bin Baba: Saya memang akui terdapat kumpulan-kumpulan yang sentiasa hendak memisahkan kita dari segi perbezaan agama, antara agama Islam dengan bukan Islam ataupun sebagainya. Apa yang hendak saya utarakan di sini ialah Kerajaan sepatutnya mulai daripada sekarang marilah kita bersama-sama memberikan penggalakan kepada soal kahwin campur. Walaupun perkara ini ada yang memikirkan agak sukar hendak dilaksanakan tetapi, kepada saya kalau dapat kita laksanakan, saya percaya pembentukan satu bangsa Malaysia akan dapat menjadi kenyataan dengan cepat lagi. Saya tahu bahawa mungkin ada yang berpendapat soal agama akan menjadi masalah. Soalnya apakah akan terjadi kepada anak-anak yang dilahirkan hasil dari kahwin campur ini? . Dari segi sejarah kita telahpun mengetahui bahawa Islam bukanlah kepunyaan orang Arab semata-mata. Islam bukanlah milik orang Melayu sahaja. Sebenarnya lebih ramai orang Islam di negeri China daripada orang Islam di Malaysia ini. Terdapat 50 juta orang Islam di Zhinjia, malah orang Cina lebih dahulu memeluk agama Islam daripada orang Melayu sendiri, kalau kita kaji dari segi sejarah. Jadi kepada saya...

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat:minta penjelasan?

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Saudara Rahim Baba. Sedar-kah Yang Berhormat. bahawa. ada- suata golongair. di Malaysia. ini yang; merasakan bahawa seolah-olah Islam itu adalah milik ianya tetapi yang tidak memasuki golongannya makai ia, seolah-olah tidak diiktiraf kelislamannya. Terima kasih:-

Tiam Yang di-Pertua: Ada sedarkah atau. tidak?

Toani Rahim bin Baba.: Ya, Tuan Yang-di-Pertua

Taan, Yang di-Pertua.: Soalannya ada sedar atau tidak

TuaiL Sahib bin Baba: Oh, saya, sedar sekali. Saya tahu. ada. kumpulan-kumpulan di negara kita. ini yang persoalan seolah-olah Islam itu milik kumpulan mereka sahaja, bukannya milik kumpulan lain ataupun sebagainya..

Jadi apa. yang, ingin saya katakan di sini ialah dalam soal kahwin campur ini, soal agama tidak menjadi masalah. Janganlah ada mereka yang berfikiran serapit yang memikirkan bahawa soal agama akan menjadi halangan. Saya berharap sangat supaya pihak-pihak mass media dan juga. pihak akhbar akan dapat memberikan publisiti-publisiti terhadap soal-soal kahwin campur di antara, Melayu dengan Cina, Melayu dengan India dan juga sebagainya. Tuan Yang di-Pertua pun kalau hendak kahwin dengan orang Melayu pun boleh.....

Tuan Yang di-Pertua; Sudah sampai 15 minit, Yang Berhormat,

Tuan: Rahim bin Baba: Sekejap sahaja lagi.

Tuan Johan B.O.T Ghani: Minta penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai soal kahwin. campur ini. Sepertimana yang dinyatakan tadi disebabkan Yang Berhormat tertarik, dengat Sarawak, daa. Sabah ini, adakah Yang Berhormat ini bercadang, untuk kahwin. lagi di Sabah dan di Sarawak? [Ketawa]

Tuaa Rahim bin Baba: Untuk pengetahuan Yang. Berhormat Saudara Johan Ghani, saya ini orang Islam, ada tiga, lagi kekosongan [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya meminta masa sedikit lagi oleh kerana sebagai penduduk. di Kuala Lumpur, saya hendak menyentuh. kepada RTM iaitu, Radio Tiga Ibu. Kota. Saya sungguh mengalu-alukan peranan. yang dimainkan oleh pihak radio, khasnya Radio Tiga Ibu Kota yang inginkan satu masyarakat yang sentiasa bermaklumat. Tetapi apa yang saya lihat sejak akhir-akhir ini Radio Tiga Ibu Kota asyik dengan mencari membuat iklan, menjual rumah umpamanya di waktu pagi di antara pukul 7.00. sarapai 8.30 dan begitu juga antara pukul 4.00 hingga 7.00 malam pada hal saya percaya kalau Radio Tiga Ibu Kota boleh pada masa itu membantu pihak Kerajaan memberikan penerangan-penerangan. Kadangkala kita datang ke Kuala Lumpur ini kita tak tahu apa yang akan ada di Kuala Lumpur untuk hari ini. Sepatutnya di sinilah radio memainkan peranan untuk memberitahu kepada rakyat bahawa hari ini ada persidangan Dewan Negara, jadi orang boleh datang ke Parlimen hari ini ada pertunjukan (exhibicion) ataupun sebagainya. Tetapi malangnya apa yang saya lihat ialah Radio Tiga Ibu Kota asyik dengan menjual rumah dan juga sebagainya. Di sini

saya ingin mencadangkan, supaya di antara jam 7.00 pagi dan 9.00 pagi supaya Radio Tiga Ibu. Kota tidak. mengambil sebarang, penajaan Begini juga di antara pukul 4.00 hingga 7.00 malam supaya pada masa, ini boleh pihak. Radio Ibu Kota membantu pihak trafik, pihak polis ataupun pihak pengguna. jalan raya apabila berlaku. kesesakan ataupun sebagainya,

Tuan Yang di-Pertua oleh kerana menghormati masa yang telahpun diberikan kepada saya walaupun banyak lagi perkara yang ingin saya cakapkan, tetapi saya berharap saya akan dapat bercakap dalam Bil-bil yang lain, Jadi dengan ini saya menyokong usul in.Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mohd. Zain

4,.28ptg.

Tuan Mohd Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.Assamua'laikum warahmatullahi Taala, Wabarakatuh; dan salam sejahtera. Alhamdulillah, saya mengatur syukur kepada Allah Subhanaha Wataala kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, saya berkesempatan mengambil bahagian dalam membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang- di-Pertuan Agong dalam upacara perasmian Dewan yang dilakukan pada 27hb April yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Institusi Raja Berperlembagaan sebagaimana yang temaktub di dalam Perlembagaan Negara adalah merupakan perisai untuk melindungi dan menjaga kesucian agama Islam serta Hak Istimewa Orang-orang Melayu. Perkara, 3(2) Perlembagaan,Di dalam setiap Negeri, Raja adalah Yang di-Pertua Agama Islam di dalam negeri yang berkenaan.Segala keistimewaan hak dan kuasa yang dipunyai oleh Baginda sebagai Ketua Agama tidak boleh diganggu-gugat.Sebagai Ketua Agama, Baginda penjaga, imam, pemerintah dan bertanggungjawab memastikan kesucian agama. Islam dan sebarang usaha yang dibuat untuk mengaitkan Baginda adalah merupakan satu penghinaan kepada Ketua Agama Islam

Perkara 152 Perlembagaan adalah menjadi tugas. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong untuk, menjaga kedudukan dan keistimewaan orang-orang Melayu dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. hendaklah menjalankan kuasa, bagi menjaga dan memastikn kedudukan. hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu **terlindung** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam menjaga, hak kepentingan orang-orang, Melayu sentiasa mendapat nasihat daripada. Majlis Raja-raja Melayu yang terdiri daripada. Sultan-sultan di Negeri-Negeri Melayu..

[Timbalan Yang di-Pertua. menpengerusikan Mesyuarat]

Oleh yang demikian, Sultan-sultan adalah secara langsung sebagai pelindung dan penjaga hak keistimewaan orang-orang Melayu dan di antara hak-hak keistimewaan. orang-orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan ialah pertama kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara perkhidmatan awam dan perkhidmatan ketenteraan permit dan lesen tanah rizab Melayu dan akhir sekali kemasukan ke kolej dan universiti. Kesemua hak-hak ini adalah merupakan hak keistimewaan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan. Sebarang Undang-undang yang dibuat.

Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat, ada permintaan penjelasan. Silakan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya dengar Yang Berhormat berucap-tadi menyebut Perlembagaan negara kita. Jadi, saya, cuma, terperanjat di sini seolah-olah macam Perlembagaan negara telah dinoda oleh mana-mana pihak atau satu-satu pihak yang membuatkan Yang Berhormat hendak mengingatkan kami semula mesti patuh kepada, Perlembagaan negara yang, telah termaktub. Jadi, saya ingin tahu adakah perkara ini sudah pun berlaku di mana, seolah-olah macam kami sudah tidak, mengikut apa yang telah dicatat dalam Perlembagaan negara, yang meletakkan agar Raja-raja begitu di atas sekali? Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ucapan saya belum selesai lagi dan saya akan ulas. Ini nukad dimah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan

Tuan Haji Mohd Zain bin Haji Mat Daud: Oleh kerana Sultan-sultan adalah anggota Majlis Raja-raja Melayu.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seorang lagi yang ingin meminta penjelasan.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan Terima kasih Tuan Zain, sahabat saya juga. Saya cuma ingin bertanya iaitu bahawa jelas tadi Tuan Zain menyebutkan iaitu bahawa Raja mengikut Perlembagaan kita adalah merupakan institusi yang mempertahankan kepentingan bangsa Melayu. Jadi soalan saya, semua bangsa Melayukah atau bangsa Melayu yang datang daripada parti-parti

tertentu? Kalau dinampakkan **iaitu** bahawa hanya mempertahankan bangsa, Melayu. yang datangnya daripada parti-parti tertentu, maka, saya merasakan **iaitu**. bahawa, Raja telah menyebelahi satu pihak dan berpolitik. Maka oleh itu saya, menyatakan **iaitu** bahawa setuju ataupun tidak **iaitu** bahawa, Sultan tidak boleh memihak kepada, mana-mana pihak melainkan untuk menyokong semua, bangsa Melayu yang ada dalam negara kita. pada hari ini?

Tuan Mohd Zain bin Haji Mat Daud: Terima, kasih sahabat saya-Tuan Haji Mohamed Nazri. Istilah bangsa Melayu yang, saya, sebutkan di sini. sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan di mana bangsa-Melayu adalah terdiri daripada orang-orang, Melayu yang, beragama. Islam dan ketiga, mengamalkan adat istiadat. orang-orang Melayu, leh kerana. Sultan—sultan adalah anggota. Majlis Raja-raja Melayu,. maka. Sultan-sultan adalah merupakan. pelindung kepada hak keistimewaan orang-orang Melayu dan sebarang usaha yang dibuat sama ada secara nyata atau tidak yang mengaibkan mana-mana. Sultan adalah merupakan tindakan untuk meruntuhkan hak keistimewaan orang-orang Melayu. Perbuatan seperti ini hendaklah ditolak dan mesti ditentang. Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Hajah Zaleha binti Huasin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lagi orang hendak bertanya.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Saudara Zain yang pernah dahulu bersama saya. Saya ingin memohon penjelasan mengenai Yang Berhormat Saudara Mohd. Zain menceritakan tentang

keistimewaan orang-orang Melayu tentang kedudukan Raja-raja Melayu, dalam Perlembagaan negara. Saya ingin bertanya siapakah dan pertubuhan manakah yang telah berjuang bermati-matian untuk mempertahankan kedudukan Raja-raja Yang ada sekarang dan juga, menolak segala keputusan Malayan Union pada tahun 1946 yang lalu?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, ya, silakan.

Tuan Mohd Zain bin Haji Mat Daud: Terima, kasih Puan Ustazah Zaleha. Sehubungan dengan perkara ini, jawapannya semua telah sedia maklum

Tuan Azman Atar bin Othman: Boleh minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat Tuan Azman.

Tuan Mohd, Zain bin. Haji Mat Daud: Boleh, boleh. Sila, sila.

Timbalan Yang; di-Pertua: Sila.

Tuan Azman Atar bin Othman: Sebab bila disebut perkataan semua orang telah maklum, saya tak berapa jelas. Saya minta, Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua: Memaklumkan?

Tuan Azman Atar bin Othman: memaklumkan sama ada pertubuhan UMNOkah, PASkah atau 46 yang betul-betul memperjuangkan kedudukan orang Melayu sehingga kita dapat menumbangkan Malayan Union, sehinggalah dapat kita merdeka, sehinggalah kita ada Dewan Dewan Negara, Dewan Rakyat dan mempunyai Parlimen. Sebutkan pertubuhan yang mana?

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima. kasih. Saya, akan jawab selepas ini.. Saya hendak teruskan dahulu..

Perkara yang kedua berhubung dengan isu, kereta, Kebawah Duli Yang; Maha Mulia Al-Sultan Kelantan. Di bawah Perintah, Cukai Kastam (Pengecualian) pada tahun 1988 yang berkuatkuasa pada, 1.1.1988 Baginda adalah termasuk dalam kumpulan orang-orang yang terkecuali cukai import bagi apa-apa, barang sama ada barang penbadi atau barang kegunaan rasmi. Pengimportan kereta untuk kegunaan. Baginda Sultan tertakluk kepada perintah, di atas. Di bawah Peraturan-peraturan 2/2, jumlah kenderaan yang boleh diimport oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Al-Sultan adalah diputuskan oleh, dengan iaitu, Rulers in Council, dan Akta. Taksiran 1987 memtafsirkan "Rulers in Council" ialah. Pihak Berkuasa Negeri.

Dalam kes Sultan Kelantan, Pihak Berkuasa Negeri telah memutuskan bahawa jumlah kereta yang boleh diimport oleh Baginda. Sultan adalah tidak terhad, lebih-lebih, lagi kereta yang diimport adalah hasil daripada wang peribadi Baginda. sendiri. Oleh kerana. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dikecualikan daripada membayar cukai, adalah satu pembohongan yang amat besar jika dituduh Baginda melarikan cukai dan perbuataa Baginda membawa keluar kereta berkenaan daripada Kompleks Kargo MAS di Subang adalah tidak melanggar mana-mana undang-undang, apatah lagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan terkecuali daripada mana-mana peruntukan undang-undang.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada permintaan minta penjelasan lagi sekali.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih. Berhubung dengan ini, tidak siapa yang nafikan bahawa Sultan Kelantan adalah dalam Majlis Raja-Raja Melayu, dan mengenai persefahaman Majlis Raja-Raja, yang menghadkan jumlah kereta diimport oleh Baginda Sultan, soalnya ialah mengapakah teks persefahaman ini tidak disediakan selama ini oleh Kementerian Kewangan, Dan walaupun persefahaman ini benar-benar wujud dan mempunyai kuatkuasa undang-undang sekalipun tidaklah kuatkuasa ini telah dimansuhkan oleh Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) No.9/1991.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agoag dalam Titah Ucapan ada menyeru....

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lagi permintaan untuk penjelasan. Sila.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain Saya ingin bertanya sebab saya bimbang mungkin ada kesilapan Yang Berhormat sebut, soal hendak tanya Kementerian Kewangan mengenai teks itu, saya ingat wakilnya ada di hadapan, nanti dia boleh jawab;

Saya hendak bertanya. Sultan adalah di atas undang-undang apakah benar Kerajaan Negri boleh memutuskan sesuatu berkenaan

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingin bertanya apakah tidak Sultan Kelantan juga menjadi Ahli Majlis Raja-raja Melayu di Malaysia kita ini? Kalau dia tidak menjadi Ahli Majlis Raja-raja Melayu, maka jawabnya tidak, tak apalah, tetapi kalau dia adalah menjadi Ahli Majlis Raja-raja Melayu, Raja-raja Melayu telah membuat keputusan iaitu bahawa Raja hanya dibenarkan untuk membeli kereta hadnya 7. Jadi, yang mana berkuasa Kerajaan Negeri, yang saya faham Kerajaan Negeri tidak ada kuasa untuk memutuskan bagi pihak Raja sebab semua perkara Raja ini, Majlis Raja-raja yang menentukan dan Majlis Raja-raja Melayu menentukan 7 kereta sahaja. Jadi, kalau Sultan Kelantan bukan Ahli Majlis Raja-raja Melayu, tidak apalah, betullah itu, tetapi kalau Sultan Kelantan Ahl. Majlis Raja-raja Melayu, saya ingat dia terikat kepada 7 kereta. Ini minta penjelasan.

dengan Sultan? Kalau Sultan itu di atas undang-undang, apakah benar Kerajaan Negeri tiap-tiap negeri boleh membuat satu keputusan berkenaan dengan Sultan dia, sebab yang saya tahu, yang hanya boleh membuat keputusan untuk Sultan-sultan ialah Majlis Raja-Raja. Jadi ini soalan saya. Saya cakut aanti tersilap cakap, sebab yang saya tahu Kerajaan Negeri tidak boleh membuat keputusan apapun berkenaan dengan Raja dia, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tangguhkan dulu jawapan itu selepas ini. Saya hendak teruskan dahulu.....

Timbalan Yang di-Pertua: Elok. juga kalau kita beri sebab ada penjelasan tadi. dia puaya kesinambungan itu dapat kita pastikan supaya senang dipertadakan kemudian....

Tuan Azman Atar bin Othman: Dia takut....

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat, minta Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain selesaikan jawapan-satu dahulu, selepas itu dia boleh sambung Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain, sila.

Tuan Mohd. Zaid bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya berdasarkan di bawah Peraturan 2 dalam Perintah Duti Kastam 1988 yang bermaksud jumlah kenderaan yang boleh diimport oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. adalah diputuskan oleh Rulers in

Council, dan meagikut pentafsiran Akta Perintah Duti Kastam 1937 ini, mentafsirkan Rulers in Council ialah pihak berkuasa Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya bila sebut perkataan 'Rulers' ini yang kita tahu Raja-Raja, kalau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, kita tidak sebut 'Rulers', tetapi kita sebut 'EXCO'. Ini masalah berkaitan dengan Sultan, Raja, yang mana kita meletakkan dia above the law, di atas undang-undang. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi. Jadi kalau Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain hendak bercakap, hendak menghuraikan di Dewan yang mulia ini, di Dewan Negara dan mempertahankan Sultan Kelantan sahaja, sedangkan Sultan-Sultan lain tidak buat kerja ini, saya rasa akan memalukan kita setnua, dan saya nampak ada 2-3 penjelasan yang saya minta tadi, tidak juga dijawab. Saya haraplah Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain kalau hendak bercakap benda ini, kita bercakap dengan jelas supaya jangan membuat mana-mana pihak confuse. Kami menghormati, jangan pula menganggap bahawa seolah-olah macam Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain seorang sahaja menjadi hro kepada Raja-Raja, yang kami ini bukan menjadi hero, jadi saya mintalah Yang Berhormat, pertanyaan pertama saya tadi belum dijawab.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangua]

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, ada Lagi sacu permintaan. Sila.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mohon beri penjelasan sedikit. Kalau disebut Rulers in Council, betul Kerajaan Negeri, Parlimen Malaysiapun apabila disebut Kerajaan, makna Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong menjadi Agong, Parlimen Malaysia boleh buat apa dia suka betul, tetapi apabila sesuatu yang hendak dibuat, yang ada kaitan dengan soal Sultan, kita tidak boleh buat, kita kena rujuk kepada Majlis Raja-Raja Melayu, begitu juga di peringkat Negeri. Kalau disebut Rulers in Council, memang betul Kerajaan Kelantan boleh buat, tetapi benda-benda yang ada kaitan dengan Sultan mesti dirujuk-kepada Majlis Raja-Raja, ini yang hendak saya kata sebab ini pembetulan facts, seolah-olah Kerajaan Kelantan membenarkan Kerajaan Kelantan maksudnya Kerajaan yang memerintah ini membenarkan Raja tidak boleh ada had tentang kereta, walhal Kerajaan Kelantan tidak boleh memutus sesuatu yang ada kaitan dengan Sultan, sebab Sultan di atas undang-undang dan kalau soal Sultan, Majlis Raja-Raja Melayu mesti putuskan. Jadi ini satu fakta yang salah dan silap, dan saya harap jangan diteruskan kerana ini tidak betul. Kalau mula tidak betul, akhirnya juga tidak betul nanti. Ini penjelasan saya kepada Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapan ada menyeru supaya media massa di negara ini menggunakan sebaik-baiknya kebebasan akhbar dan menjadi tanggungjawabnya kepada masyarakat. Seruan ini amat bersesuaian dan kena pada masaaya di saat tanggungjawab kepada masyarakat dan kebebasan boleh dipertikaikan. Selama 8 hari berturut-turut bermula pada 18hb Mac, 1992 Utusan Malaysia dan Berita Harian menyiarkan cerita Sultan Kelantan melarikan cukai \$2.1 juta, bermacam-macam cerita, berunsur menghina, memerli dan menghentam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan berhubung dengan kereta Lamborghini Diablo Tuanku.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain, ada lagi permintaan penjelasan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak sedap rasa lagi kerana soalan saya tadipun tidak dijawab secara tepat, tetapi tidak apalah, dalam hati dia sudah jawab UMNO, cuma yang saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Saudara Mohd. Zain ialah mengenai kereta Lamborghini Diablo dan mengenai cukai kereta tersebut.

Saya tidak hendak minta Yang Berhormat Saudara Mohd. Zain

menjelaskan tentang Akta dan sebagainya. Tetapi saya hendak bertanya pada masa 13 tahun yang lalu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dapat membeli 21 buah kereta, tetapi mengapa dalam masa sekarang beli sebuah keretapun menjadi sibuk seluruh negara, di mana kesilapannya? Adakah ini barangkali kerana tidak ada persefahaman kematangan dalam perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ataupun dengan kerana Kerajaan Negeri. Kelantan sendiri kurang faham tentang pembacaan undang-undang dan perlembagaan negara? Terima kasih.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ustazah. Berhubung dengan perkara ini sebagaimana yang saya sedang bahaskan, kemungkinan kekalutan dan kehangatan berhubung dengan kereta lamborghini Diablo ini adalah peranan yang dimainkan oleh media massa. Sebagaimana yang saya sedang berbahas sekarang ini, di mana sekali gus akhbr ini telah berjaya mempengaruhi masyarakat umum yang cuma mendapat berita....

Timbalan Yang di Pertua: Yang Berhormat saya nampak ada permintaan penjelasan. Tetapi kalau boleh, saya 'incercede' sedikit di sini, bahawa ada tiga soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha tadi. Yang pertama saya rasa pertanyaan beliau ialah bagaimana soal Lamborghini Diablo ini tiba-tiba menjadi soal hangat, berbanding dengan masa-masa yang lepas.

Yang kedua, adakah soal ini timbul kerana adanya tidak

perkesefahaman antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Yang ketiga, adakah kemungkinan bahawa Kerajaan Kelantan itu sendiri tidak faham dengan isu ini. Saya rasa itu yang dia hendak tanya.....

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi sebelum itu, kita minta Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain menjawab dahulu. Sila Kalau sudah jelas, kita teruskan, harap jangan ganggu lagilah perkara-perkara ini.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud; Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah jelaskan tadi berhubung dengan perkara isu kereta ini, Kerajaan Negeri bertindak berasaskan Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988, yang berkuatkuasa mulai 1.1.1988. Itu sahaja penjelasan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Beri kebenaran, okay, sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, pada saya penjelasan itu tidak tepat. Tetapi saya boleh maafkanlah tentang tidak tepat, barangkali Yang Berhormat Tuan Zain tidak tulis tentang jawapan ini, Saya hendak mengemukakan satu penjelasan lagi iaitu mengenai peranan akhbar dan media massa kononnya Yang Berhormat Tuan Zain menyebutkan akhbar-akhbar yang telahpun menghina dan sebagainya. Pada saya apa yang telah diperkatakan oleh akhbar Berita Harian ataupun Utusan Malaysia saya nampak tidak ada pembohongannya dan dia mengeluarkan kenyataan daripada Menteri-menteri berkenaan. Tetapi saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Tuan Zain, kadang-kadang Harakah mengeluarkan berita-berita karut-marut yang tidak ada kaitan langsung dengan masalah yang diutarakan oleh Menteri berkenaan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada kena-mengena dengan suratkhbar Harakah sebab Harakah ini kepunyaan sebuah parti politik.

Tuan Azman Atar bin Othman: ingat 46 sahaja.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Semalam sudah dijawab oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apalah, kerana Yang Berhormat tidak tahu. Kita anggap sebagai beliau tidak tahu dan sama-sama maklum perkara ini sebagaimana yang disebut semalam.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan matlamat untuk mencapai taraf negara maju. Baginda telah menyebut tabungan negara mestilah ditingkatkan. Semua pihak harus mengamalkan sikap berjimat-cermat dan berbelanja ke atas apa yang perlu sahaja. Sepatutnya seruan ini telah lama diamalkan oleh pemimpin Kerajaan yang memegang teraju pemerintahan negara hari ini. Sikap jimat-cermat dan berbelanja ke atas apa yang perlu sahaja bukan ditujukan kepada rakyat di kampung-kampung. Semua ini ada kaitan dengan pembaziran peruntukan kewangan yang banyak untuk projek-projek mewah dan projek. gajah putih yang cuma memberi keuntungan dan kebajikan kepada segolongan tertentu sahaja yang telahpun sedia mewah. Kalau saya menyebut projek mewah yang menbazir, tentu pemimpin Kerajaan, tahu tidak payah saya senaraikan satu persatu.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lagi orang yang minta penjelasan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Boleh.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bersetuju bahawa soal jimat-cermat ini tidak sepatutnya dihalakan kepada rakyat, oleh kerana yang berucap pada hari itu ialah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tuan Zain, apakah tidak soal jimat-cermat ini juga, oleh kerana yang berucap itu Yang di-Pertuan Agong, juga dihalakan kepada Sultan-Sultan supaya tidak membazir dan

berjimat-cermat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa eloklah ini secara teguran biasa sahajalah kalau kita rujukkan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan dan Raja-Raja ataupun Yang di-Pertuan Agong, kita sebutlah nama Yang di-Pertuan Agong, janganlah secara ringkas.Maksudnya memang betul, tetapi secara ringkas nampaknya tidak sesuai dengan suasana dan keadaan Dewan. Saya minta begitu.

Tuan Azman Atar bin Othman: Yang Berhormat Tuan Zainkah atau Yang Berhormat Tuan Azman?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bila beri macam itu secara umum. Kalau tertentu jadi seolah-olah kita tuju kepada orang tertentu sahaja.Jadi, untuk makluman semua, faham-fahamlah.Terima kasih, sila.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih, Tuan, Yang di-Pertua. Saya ingin menambah apa yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selain daripada berjimat-cermat, biarlah perbelanjaan dan peruntukan kewangan negara hendak disalurkan untuk memberi kebajikan dan membantu rakyat termiskin secara menyeluruh dan memaksimumkan nilai faedah kepada rakyat yang terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, di waktu anak-anak Menteri berulang-alik ke sekolah dengan dipandu oleh driver dari rumah ke sekolah dan dari sekolah ke rumah, masih ramai anak petani dan rakyat kampung di pedalaman menggunakan sampan kecil merentas sungai di subuh pagi untuk ke sekolah yang terdedah kepada seribu satu macam bahaya dan mlapetaka.Mereka cuma perlu jambatan kecil dan titi yang bernilai di sekitar \$5,000 sahaja. Bukan jambatan gergasi yang bernilai

puluhan juta. Masih ramai lagi rakyat di kampung-kampung di seluruh negara yang mengalami kesulitan dalam jalan perhubungan.

Puan Hajah Zaleha biati Hussin: Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Hat Daud: Jalan yang sedia ada....

Timbalan Yang di-Pertua: Beri laluan kepada penjelasan? Sila Hajah Zaleha.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti, nanti Yang Berhormat.

Puan Hajah Zaleha biuci Hussin: Dia tidak beri laluan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, nampaknya petang ni seolah-olah saya Kerajaan di Dewan Negara ini, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan. Saya rasa semangat kita ini ingin memberi peluang yang luas kepada Yang Berhormat, maklumlah keanggotaannya begitu rupa dan mungkin Dewan ingin mendengar secara agak lebih panjang, secara relatifnya apa Yang Berhormat ingin perkatakah dan pada atau masa ditelahkan juga dengan soalan-soalan yang meminta penjelasan yang lebih. Itulah semangat yang saya harap dan berikan pada waktu ini. Sila.

Tuan Azman Atar bin Othman: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk, sila duduk.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Zain ialah mengenal apabila beliau menyatakan bahawa kereta-kereta Menteri menghantar anak ke

sekolah menjalan-jalan, saya hendak tanya tidakkah di Kelantan. juga ada kereta-kereta EXCO menghantar anak-anak ke sekolah dengan Mercedes DH77, DH55, DH22. Cuba beri penjelasan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Ustazah sudah sedia maklum bahawa "Kerajaan Negeri telahpun membuat satu circular siaran melarang Exco-Exco, pegawai-pegawai Kerajaan menggunakan kereta untuk kepentingan peribadi. Sebagai contoh, dalatn pilihanraya kecil Limbongan dan Sungai Pinang baru-baru ini tidak ada satu pun kereta Kerajaan digunakan untuk kepentingan politik. Ini satu penjelasan. Kalau sekiranya Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha dapat buktikan berhubung dengan penggunaan kereta ini, sila buktikan dan tulis surat kepada Kerajaan Negeri dan kita akan ambil tindakan. Kemungkinan Tuan Guru akan ambil tindakan kepada mereka yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya penjelasan Yang Berhormat ada pula orang yang ingin bertanya penjelasan yang diberi. Silakan Tuan Haji Nazri.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bertanya Yang Berhonnat Tuan Zain apakah dia ada bukti yang menunjukkan iaitu bahawa kereta rasmi Menteri telah digunakan untuk menghantar anak-anak mereka pergi ke sekolah sebab di peringkat Persekutuan pun kita lebih dahulu mengadakan peraturan yang mengatakan bahawa kereta rasmi tidak boleh digunakan

untuk kepentingan diri. Jadi, saya juga minta kepada Yang Berhormat Tuan Zain, kalau ada bukti tolong tangkap gambar dan beri kepada saya. Kalau tidak ada, saya ingat kita jangan sebut, tarik balik. Tidak tarik balik pun tidak mengapa, tetapi jangan sebut lain kali kerana benda ini tidak berlaku dan kita hanya main tembak hentam keromo merata sahaja, dan tidak adil kepada Menteri yang tidak ada di sini untuk menjawab Yang Berhormat tadi.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih atas ingatan daripada saudara saya Nazri. 'Insyallah, saya akan cari bukti dan saya akan beri gambar kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan. Saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan yang mana saya juga bekas guru dan lama terlibat dalam Kementerian sewaktu nama Kementerian Pelajaran Lagi. Nama 'Pelajaran' telah ditukar kepada 'Pendidikan'. Pembaharuan nama tidak memberi apa-apa kesan kalau tidak diikuti dengan perubahan dari segi kualiti untuk menghasilkan tahap produktiviti yang Lebih baik. Cita-cita dan matlamat falsafah Pendidikan Negara ialah untuk membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan mahir bersesuaian dengan permintaan pasaran buruh dan keperluan teknologi. Banyak usaha-usaha yang ialah, sedang dan akan dijalankan ke arah mencapai kecemerlangan di kalangan pelajar, umpamanya, ke arah menyemai tabiat budaya membaca, pembinaan daya kreativiti dan pengwujudan ciri-ciri keusahawanan, usaha ke arah menambah program latihan profesional sekolah-sekolah teknik dan vokasional terus dipergiatkan. Walau apapun usaha demi usaha dilakukan di peringkat perancangan dasar oleh Kementerian, tetapi kalau perlaksanaan. di peringkat sekolah, guru dan murid berjalan tempang, matlamat dan hasrat Kementerian tidak akan menjadi kenyataan. Cuma akan menjadi impian dan angan-angan semata-mata.

Kementerian sedar atau tidak berapa ramai Pegawai-pegawai Pendidikan di peringkat sekolah yang telah kecewa dan hilang minat dalam meneruskan kecemerlangan khidmat sebagai guru kerana telatah orang-orang politik. Campur tangan orang politik di dalam Jabatan Pendidikan di peringkat negeri telah membunuh minat kaum guru, khususnya di Kelantan. Kenaikan pangkat secara sewenang-wenang

kerana guru tersebut aktif dalam politik Kerajaan. Ini menimbulkan reaksi putus asa kepada guru-guru yang layak dan berpengalaman luas yang bekerja dan berkhidmat secara dedikasi dan patut dinaikkan pangkat. Berapa ramai pula guru-guru di Kelantan ditukarkan ke kawasan pendalaman semata-mata untuk mendera kerana menyertai politik pembangkang. Tidak cukup dihantar ke kawasan pendalaman sesetengahnya ditukar ke Sabah dan ada setengah-setengah daripadanya hampir pencen. Sekarang sesetengah daripada mereka sudah pencen dan guru-guru yang seperti manusia lain juga ada perasaan. Cuba gambarkan bagaimana hendak berkhidmat dan bekerja secara dedikasi kalau harus ditekan. Yang secara jelas, pertukaran bukan atas dasar keperluan perkhidmatan tetapi semata-mata atas dasar dendam kesumat dan deraan kerana menyertai politik pembangkang. Ini semua sudah tentu akan menjatuh prestasi mutu pencapaian di kalangan pelajar-pelajar.. ..

Tuan Haji Mohamed Harri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Adam bin Kadir): Yang Berhormat, ada Yang Berhormat minta penjelasan.Sila.

Tuan Azman Atar bin Othman: .Terima kasih Yang Berhormat Mohd. Zain. Saya dengar Yang Berhormat tadi seolah-olah memperjuangkan guru-guru. Pertama, saya. iagin tahu, adakah Yang Berhormat memperjuangkan keseluruhan guru dalam negara kita atau memperjuangkan sebilangan kecil guru yang telah melibatkan diri dengan menyokong pembangkang. Tetapi kalau ia benarpun tindak-tanduk Kerajaan, saya hendak tanya Yang Berhormat Mohd. Zain, adakah menjadi salah kalau parti Yang Berhormat Semangat 46 sendiripun kalau memerintah, saya rasa Yang Berhormat akan buat lebih teruk lagi daripada Barisan

Nasional yang memerintah sekarang. Sebab saya hendak bagi, satu falsafah. Politik adalah power game. Sekarang Barisan Nasional in power, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Salahkah kalau saya gunakan satu falsafah, dengan izin, "When we are in power make sure it is powerful, otherwise we are bloody fools," Kami tidak hendak jadi bloody fools, [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Itu. dalam bahasa Inggeris, kalau dalara bahasa Melayu, apa itu?

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan Azman Atar bin Othman: Dalam Bahasa Melayu minta duduk, ya, ini Tuan Yang di-Pertua hendak minta maknanya dalam Bahasa Melayu politik adalah permainan mencari kuasa. Apabila kami berkuasa, kami mesti menentukan kuasa kami dengan sebetul-betulnya; kalau tidak, kalau kami tak tahu menggunakan kuasa itu, maknanya kami ini bodohlah. Jadi itu fasal kami tak mahu jadi bodoh!

[Tepuk]

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [kepada Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud]: Yang Berhormat, boleh beri laluan lagi sekali?

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Saya ingin mohon penjelasan daripada Tuan Mohd. Zain. Kalau kita hendak bercakap di Dewan yang mulia **ini**, terang jelas nyatalah, sebab di Kelantan yang memerintah hari ini Semangat 46 dengan PAS, tetapi guru-guru yang ditukarkan, katanya, guru-guru yang menyebelahi pembangkang. Pembangkang yang sebelah mana? Dan adakah bukti bahawa guru-guru yang ditukarkan tni disebabkan masuk politik, disebabkan mereka

'involve', dengan izin, dengan politik, ataupun mereka ditukarkan kerana prestasinya, kerana tugas-tugasnya yang tidak baik ataupun ada kesilapan-kesilapan Semasa mereka bertugas? Di sini kita ada Pengarah Pendidikan dan Menteri Pendidikan. Kalau ianya ditukarkan kerana terbabit di dalam politik dan mempunyai bukti-bukti yang jelas dan nyata, sila keluarkan dan beritahu supaya kita dapat bertindak dengan saksama. Saya tidak tahu nanti bahawa Kerajaan Kelantan menuduh pembangkang. Pembangkang di sana, siapa yang membangkang? Kerana kita memikirkan Kerajaan Malaysia adalah Kerajaan Barisan Nasional. Adakah saudara dengan cara tidak Langsung menuduh pembangkang itu diri saudara sendiri ataupun yang di sebelah pihak? Ini penjelasan saya mahu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasih. Saya akan tunjukkan bukti sekejap lagi apabila sampai masanya, Ini ada, surat ada. [Menunjukkan sepujuk surat]

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, sila duduk sekejap, nanti saya beri peluang sebentar lagi.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Di Dewan yang mulia ini saya ingin mengambil kesempatan membuktikan campur tangan orang-orang politik secara total dalam pentadbiran pendidikan di negeri Kelantan. Telah berlaku di negeri Kelantan, selepas Pilihanraya Umum yang baru lalu, pertukaran politik secara besar-besaran. Sebilangannya ditukarkan ke Sabah sebagaimana yang saya katakan tadi

dan seorang Pegawai Pendidikan di peringkat negeri telah bermaharajalela dengan menukarkan guru-guru yang menentang parti pembangkang sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Seorang Pengarah Pendidikan baru yang didatangkan khusus ke Kelantan untuk menyelamatkan keadaan dan saya difahamkan sebilangan guru-guru yang terbukti pertukarannya atas dasar politik dan apabila merayu kepada Jabatan Pendidikan Negeri, lalu diterima dan ditukar berkhidmat ke sekolah yang sewajarnya, Rupa-rupanya perbuatan ini tidak disenangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat negeri Kelantan dan Pengarah Pendidikan Negeri yang baru dihantar bertugas di negeri Kelantan dan pihak UMNO Kelantan telah menulis surat kepada Yang Berhormat Datuk Amar Dr. Sulaiman Haji Daud meminta supaya Pengarah Pendidikan Negeri berkenaan ditukarkan, dan saya difahamkan Pengarah tersebut ditukarkan dan ini salinan surat daripada Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang saya dapati ditujukan kepada Menteri Pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada beri laluan untuk minta penjelasan? Sila, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Zain, di dalam Dewan ini kita ada Wakil-wakil dan juga mungkin pegawai-pegawai yang datang daripada negeri Sabah. Jadi saya ingin bertanya mengapakah kalau pertukaran itu dibuat ke Sabah dianggap sebagai satu penghinaan, penderaan. Jadi kalau orang Sabah dengar iaitu tiap-tiap kali kita hantar ke Sabah itu satu penghinaan ataupun penderaan, saya rasa mereka tidak akan senang hati. Tidakkah boleh kita fikirkan itu bahawa di negeri Sabah

memerlukan kepada guru-guru yang baik. Jadi kalau hantar orang itu ke negeri Sabah, bermakna bahawa prestasi guru itu baik dan kita hendak hantar dia ke Sabah kerana kita hendak membantu rakyat di Sabah. Jadi saya perlu penjelasan di sini supaya jangan pula difikirkan di kalangan pertamanya kita tidak berlaku adil kepada orang Sabah kerana kalau hantaran ke Sabah itu satu penderaan, kita menghina sebuah negeri yang menjadi komponen dalam negara Malaysia kita. Kedua, apabila kita kata hantaran ke sana mendera, maknanya mempertikaikan prestasi guru itu guru itu mungkin baik dan oleh sebab itu kita hantar dia ke Sabah, kerana Sabah memerlukan kepada guru ini. Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua.: Nampaknya macam soal deraan guru-guru berbanding dengan deraan kanak-kanak sekarang ini!

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan saudara Nazri, sahabat saya, sebenarnya saya tidaklah bermaksud untuk menghina negeri Sabah kerana dia sebahagian juga dalam Malaysia. Tetapi masalahnya sekarang pertukaran secara mendadak. Selepas sahaja pilihanraya terus ditukar, dan inilah perkara yang disangsikan.

Kalau pertukaran secara biasa, ini dalam G.O pun ada, pertukaran di mana-mana sahaja boleh dan ada setengah-setengah daripada mereka **ini**, dari segi kemanusiaan tidak patut ditukarkan, cuma ada masa dua tahun sahaja lagi untuk pencen. Jadi maksud saya tidaklah hendak menidakkan atau menyentuh perasaan rakyat negeri Sabah.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa biarlah dia lajak dahulu, ini baru masuk gear satu, dia kena berhenti balik.

[Ketawa] Yang Berhormat duduk sekejap, sedikit lagi kita sambung, biar dia lajak sedikit.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Saya takut cerlepas nanti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di Dewan yang mulia ini banyak Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap berhubung dengan hukum hudud, semalam pun ada dua hari yang lepas pun ada. Sebenarnya hukum hudud ini bukanlah ciptaan manusia, bukan ciptaan PAS dan adalah menjadi tanggungjawab kita umat Islam menyokong hukum hudud dan hukum hudud ini merupakan perkara yang menyentuh akidah. Bagi saya sendirilah, saya bukan ulamak, tetapi saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya mengadakan satu Majlis Ijtimak Ulamak untuk membincang, untuk mengupas dan juga untuk

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,... .

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Ini. cadangan saya, nanti dahulu, tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi, nanci sekejap.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: ...untuk mengupas, membincang kerana alim ulamak ini orang yang alim dan mahir berhubung dengan perkara-perkara yang menyentuh agama.Saya menyerulah kepada Kerajaan supaya mengadakan Ijtimak Ulamak supaya kekeliruan berhubung dengan hukum hudud ini...

Puan Hajah Zaleha binti Husain: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tunggu sekejap, biar Yang Berhormat Tuan Zain beri dia punya pendapat dahulu. mengenai hudud.

Seorang Ahli: [Sampuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa, saya boleh pastikan sedikit sebanyak beliau akan memberi penjelasan. Sila teruskan.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: ...supaya kekeliruan berhubung dengan hukum hudud ini yang mana dapat kita hapuskan, di mana alim ulamak dalam Ijtimak ini membincang dan mengupas dan mereka ini orang yang tahu, mudah-mudahan apabila persetujuan perbincangan bersama di antara Ijtimak Ulamak ini dapat memberikan penjelasaa kepada seluruh masyarakat di negara kita ini berhubung dengan hukum hudud supaya penjelasan yang sejelas-jelasnya dapat dijelaskan kepada rakyat,

Tuan Ng Peng Hay: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sekejap.

Saya hendak beri peluang kepada Tuan Ng Tuan Ng ini mungkin ada sesuatu. penjelasan yang berkaitan dengan

Tuan Ng Peng Hay:...hukum hudud.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan sahaja hukum hudud, tetapi soal potong memotong ini yang beliau begita berminat sangat. [Ketawa] Silakan,

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau mengikut ucapan daripada Yang Berhormat Tuan Zain ini berkenaan dengan laporan siaran daripada press media tentang Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan melarikan kereta Lamborghini tanpa membayar cukai, seolah-olahnya ini satu isu laporan siaran akhbar yang palsu, yang tidak benar. Kalau sekiranya pihak PAS atau Yang Berhormat Tuan Zain fikirkan segala laporan siaran yang dibuat oleh press media itu tidak benar, mengapa tidak mengambil tindakan membawa press media, akhbar-akhbar ke mahkamah dengan mengcaj mereka, dengan izin, defamation.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan kedua, tidakkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sekiranya Kerajaan PAS Kelantan melaksanakan hukum hudud ini akan menjejaskan hubungan yang baik di antara orang-orang Islam dengan yang bukan Islam di negara ini khususnya, kaum Tionghua. Saya timbulkan demikian juga, kalau sekiranya pihak Kerajaan PAS melaksanakan hukum hudud ini, ia juga akan menjejaskan imej negara kita yang baik di kaca mata pelabur-pelabur asing. Saya timbulkan demikian kerana baru-baru ini, pada 6hb Mei semasa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan

Industri mengadakan satu seminar di Taiping, di Taiwan, ramai pelabur-pelabur yang berpotensi yang menghadiri seminar yang dianjurkan oleh pihak MIDA telah menimbulkan berkenaan dengan soalan kenapa Malaysia hendak melaksanakan hukum hudud dan kalau Kerajaan Malaysia atau negeri Kelantan hendak melaksanakan hukum hudud kepada orang-orang yang bukan Islam, macam mana kedudukan orang-orang Taiwan sebagai seorang pelabur asing? Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Zain bin Haj i Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua,, berhubung dengan soalan pertama, kita telah lama berbincang.Saya sekarang berucap berhubung dengan hukum hudud, jadi soalan kedua saya jawablah.

Berhubung dengan hukura hudud . ini, sebagaimana saranan saya tadi, kerana kita **ini**, saya juga seperti Yang Berhormat Tuan Nazri, berpendidikan sekular, sebab itulah saya menyeru kepada Kerajaan supaya menganjurkan satu Majlis Ijtimak Ulama untuk memberikan penerangan dan penjelasan mengupas berhubung deagan hukum hudud. Itu sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, sekali lagilah saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dan saya hendak beri pelaang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk berucap. Sekian, terima kasih, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatuliah wabarakatuh.

Tuan Azman Atar bin Othman: [Menyampuk,]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nanti sekejap. Apabila seseorang Ahli Yang Berhormat itu sudah bercakap, saya rasa tidak elok untuk kita memaksanya terus bercakap, kerana maknanya...

Tuan Azman Atar bin Othman: [Sampuk.]

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, Tuan Nazri, sila duduk sekejap.

Tuan Azman Atar bin Othman: . . .dia menasihatkan kononnya Kerajaan yang memerintah sekarang eloklah berunding dengan ulamak. Ulamak yang aaya hendak tahu itu ulamak yang mana, yang semacam mana, ulamak yang ada kepentingan politikkah atau ulamak yang betul-betul berpegang kepada ahl-ilsunnah waljamaah, berpandu kepada Kitab Al-Quran dan Hadis Rasul. Itu yang saya hendak tanya tadi. Dia terus duduk, buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain, adakah kita hendak biarkan rasa kemusykilan daripada Tuan Azman begitu sahaja ataupun Yang Berhormat ingin jawab.

Tuan Mohd, Zain bin Haji Mat Daud: Biar saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri peluang menjawab.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Terima kasihlah kekanda. Nampaknya hebat petang ini. Sebenarnya saya mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menganjurkan Majlis Ijtimak Ulamak. Itu terserahlah kepada Kerajaan untuk menjemput sesiapa kerana agama ini di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, terima kasih. Saya sudahi ucapan saya dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Chong Chi Siong.

5.17 ptg.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana undi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini, Saya mengambil peluang ini menjunjung kasih atas Titah dan nasihat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari. Nasihat dan tunjukajar Baginda itu akan sentiasa menjadi dogma hidup dan kami rasa amat bahagia dan bertuah kerana dapat hidup dalam negara yang mempunyai Raja-Raja yang sentiasa mengambil berat tentang rakyatnya serta memerintah dengan adil lagi saksama. Kami berdoa agar Tuhan sentiasa memberkati dan mengurniakan kebahagiaan dan kesihatan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1991, pertumbuhan ekonomi negara adalah 8.8% dan pada tahun 1992 dijangkakan berkembang pada paras 8.7%. Pertumbuhan yang stabil ini adalah hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional yang menitikberatkan perpaduan kaum. Kestabilan sosial dan satu set perundangan yang kukuh lagi tersusun, perpaduan kaum adalah hasil dari kerjasama, tolak ansur, toleransi, muafakat dan saling hormat menghormati bukan sahaja dari suku kaum itu sendiri bahkan dalam budaya, adat, kepercayaan dan agama. Perpaduan kita yang membolehkan kita bersama-sama duduk dalam Dewan yang bahagia ini bukanlah boleh dibentuk dalam sehari dua atau setahun dan sahaja. Ia hanya dapat dihasilkkan melalui masa yang panjang dan saling mematuhi serta menjunjung keluhuran Perlembagaan negara dan kedaulatan undang-undang.

Perkembangan secara perundangan negara dan kesetiaan Kerajaan Barisan Nasional dalam menjamin hak kebebasan individu serta kejujuran pemimpin Barisan Nasional dalam melaksanakan janji-janji mereka telah dapat sokongan rakyat yang berbilang kaum ini, Keamanan dan kestabilan ini seterusnya menarik lebih ramai pemodal dan intelektual asing datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sistem perundangan negara kita pada hari ini. adalah salah satu perundangan yang paling sempurna dan dinikmati oleh sebahagian besar penduduk negara kita. Oleh itu, kami tidak mahu dan tidak akan menerima satu set perundangan yang dilempar secara bulat-bulat kepada penduduk bukan Islam di negara ini. Saya merasa amat kesal atas tindakan Kerajaan Kelantan yang akan melaksanakan hukum hudud di Kelantan. Tindakan mereka dianggap telah melanggar Perlembagaan negara dan hak kebebasan individu.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya mengeluarkan hasrat beberapa pandangan seorang. insan yang kerdil atas pelaksanaan hukum ini. Pertama, mengikut Al-Syariah Siri (3) Istilah Perundangan Islam, hudud diertikan seksaan yang telah didakdirkan dan wajib dilaksanakannya sebagai hak Allah. Ini bermakna hukum ini hanya perlu dilaksanakan kepada penduduk beragama Islam kerana ia adalah seksaan yang telah ditakdirkan tetapi bagi bukan Islam pula hukum, ini tidak boleh dijalankan kerana kami mempunyai agama yang lain, dan seksaan

dan hukumannya sendiri di dunia dan diakhirat. Sekiranya menggunakan sesuatu hukum agama untuk melaksanakan ke atas orang yang lain agama dan menentang kepercayaan mereka akan mewujudkan satu isu yang sensitif

Sebagaimana yang termaklum oleh manusia bahawa perselisihan agama di Timur Tengah telah membawa peperangan yang berabad-abad lamanya. Ketegangan di sempadan India dengan Pakistan kerana agama. Kekacauan di, United Kingdom kerana perbezaan kefahaman agama dan contoh-contoh yang lain-lain lagi. Kekacauan dan tidak stabil sosial masyarakat akan menghasilkan keruntuhan ekonomi, perpecahan kaum dan akhirnya negara akan kacau-bilau.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan hukum hudud di Kelantan oleh Kerajaan PAS dan sekutunya telah menjejaskan struktur kehakiman dan guaman yang dipupuk dan dipertahan selama tni. Pelaksanaan ini akan mewujudkan dua jenis kehakiman yang jauh berbeza pelaksanaannya. Peguam-peguam sivil yang ada pada hari ini akan jadi penganggur. Sistem guaman tidak boleh dijalankan dan seluruh kehakiman negara akan terbantut. Perkara yang paling dikesali ialah peguam bukan Islam tidak dapat mempraktikkan perundangan mereka dalam mahkamah kerana mereka tidak faham hukum hudud dan bukan golongan beriman. Ini bermakna kehakiman akan dijalankan oleh satu pihak sahaja manakala saksi pula adalah terdiri dari orang yang beriman dan kuat dalam agama serta sebenar-benar melihat dan dengan matanya. Jika peacuri mengambil wang menggunakan alat komputer bagaimana pula mencari saksinya. Ini bermakna hukuman akan menyebabkan kepada satu pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peristiwa rusuhan di Los Angeles di Amerika Syarikat menjadi ajaran kepada kita sekiranya kewibawaan kehakiman negara tidak diperakukan oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kemajuan ekonomi negara maka taraf sosial ekonomi penduduk terus bertambah baik. Kuasa membeli telah bertambah kukuh dan cita-rasa hidup juga bertambah baik. Ini telah menyebabkan lebih ramai pemuda-pemudi berpindah ke bandar-bandar untuk menikmati kemewahan dan keselesaan hidup. Ini menyebabkan satu imigrasi georafical serta penyusunan masyarakat yang hebat. Kebangkitan kelompok-kelompok taman perumahan di bandar-bandar dan pekan-pekan telah menolak hutan rimba jauh ke pedalaman. Ini bermakna kehijauan dan keharuman udara yang bersih bertambah kurang dan alam sekitar bertambah panas serta sesak dengan terabok-terabok batu yang gagah. Saya berharap pihak yang berkenaan akan dapat mengawal pertumbuhan taman perumahan ini serta mempunyai perancangan penduduk supaya terdapatnya keseimbangan antara tebusguna tanah dengan teknologi alam sekitar. Isu yang paling ketara ialah sistem pengaliran dan pembuangan sampah-sarap. Air hujan yang mengalir di atas permukaan simen adalah lebih deras dan discharge sungai. adalah pantas. Hakisan tanah yang berterusan disebabkan pembangunan dan parit-parit di belakang bangunan yang sempit dan buruk menjadikan air naik ke atas jalan raya dan seterusnya membanjiri rumah-rumah, kedai-kedai dan bangunan-bangunan Kerajaan. Keadaan ini jelas dapat dilihat di bandar Seremban dan penduduk yang tidak berdosa di Kampung Lahan, Seremban. Kerja-kerja

mendalamkan sungai Linggi sedang giat dijalankan oleh Kerajaan Negeri tetapi sekiranya cawangan-cawangan sungai masih tidak tersusun air mengalir di bandar tidak dirancangkan, air dari rancangan perumahan dan perindustrian masih diarahkan mengalir ke bandar, maka pada pandangan saya air tetap akan bertakung di kawasan yang rendah. Beban air yang bertambah, Lumpur dan pasir juga bertambah serta discharge yang pantas maka masalah banjir di bandar Seremban sejak lima tahun yang lalu tetap akan menjadi kenyataan.

Saya minta pihak Kementerian yang berkenaan akan memberi bantuan dan mungkin boleh membina sebuah kolam yang besar untuk takungan air sementara di pinggir bandar Seremban dan seterusnya membina taman rekreasi di kolam itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah alam sekitar dan kefahaman ecosystemera tempatan adalah tanggungjawab setiap rakyat Malaysia. Pengetahuan dan sikap ini perlu dibentuk semenjak di bangku sekolah. Oleh itu, saya mencadangkan Kementerian Pendidikan bahawa mata pelajaran Geografi ini haruslah dimasukkan dalam mata pelajaran teras. Alam Manusia yang diperkenalkan pada masa ini hanyalah merupakan pengenalan asas sahaja. Pengetahuan tempatan yang diterima hanya mendadak serta meliputi empat mata pelajaran yang lain. Saya khuatir bahawa anak-anak-muda kita tidak mengenali di mana letaknya negeri-negeri di Malaysia, jenis-jenis iklim di rantau Asia, jenis tanah dan taburan hasil-hasil bumi negara dan seterusnya dunia kita. Saya percaya mata pelajaran Geografi amat penting lebih-lebih lagi negara kita menumpukan kegiatan pembangunan perindustrian bukan sahaja di negara kita sendiri sahaja bahkan di

negara-negara Asia seperti Kamboja dan Vietnam.

Satu petua dalam perniagaan ialah kita mesti memahami Lokasi kawasan dan sosio-ekonomi budaya masyarakat untuk memudahkan kita menembusi pasaran tempatan. Oleh itu pendidikan disiplin Geografi memberi pengetahuan asas dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah atas hasil Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga. Saya percaya, dengan usaha yang gigih, tekun bekerja nescaya bumiputera akan dapat membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Hasrat Timbalan Perdana Menteri bahawa seorang anak dalam lima ahli keluarga adalah ahli perindustrian yang percaya akan mudah tercapai sekiranya semua pihak memberi kerjasama dan terus menyokong Barisan Nasional. Kami bukan bumiputera akan sentiasa memberi bantuan, kerjasama dan muafakat untuk mencapai hasrat ini jika bukan dalam 10 tahun akan datang, bahkan pasti dalam tahun 2020.

Sebagai satu proses keseimbangan dalam penglibatan bumiputera dalam perindustrian, maka adalah agihan biasa lebih ramai kaum Cina diambil dalam sektor-sektor Kerajaan untuk mengisi kekosongan dan penglibatan. Lebih ramai kaum Cina dalam badan Kerajaan juga merupakan satu langkah untuk mempertingkatkan keinsafan dan pengorbanan kepada negara. Ia juga akan membayangkan kejujuran Kerajaan Barisan Nasional dalam pemerintahan masyarakat majmuk.. Presiden Bush Amerika Syarikat pun telah ingin mengadakan kelas tuisyen dengan Perdana Menteri kita atas masalah pentadbiran negara. Sumbangan sektor ras dalam Pejabat Kerajaan juga akan membawa banyak kebaikan khasnya masalah cuci untuk perayaan, perdagangan dengan negara luar, perhubungan manusia dengan masyarakat tempatan dan informasi yang tepat dari maklum balas masyarakat untuk tujuan pembangunan negara.

Saya mencadangkan bahawa keseimbangan ini perlu dilihat secara menegak dan setiap lapisan dalam kumpulan Perkhidmatan Awam Kerajaan perlu dikaji semula. Berhubungan dengan keseimbangan ini juga, saya ingin menarik perhatian pihak Suruhanjaya Pilihanraya agar dapat membentuk lebih banyak kawasan yang pengundinya seimbang dalam tiga kaum terbesar di Malaysia. Mudah-mudahan Ahli-ahli wakil masyarakat akan dapat benar-benar memahami dan mewakili masyarakat majmuk di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah melaksanakan berbagai projek untuk metnperingkatkan pembangunan infrastruktur, pengangkutan dan perhubungan darat, laut dan udara. Pembinaan lapanganterbang antarabangsa yang baru di Sepang akan membawa sedikit sebanyak kemajuan di kawasan Psrindustrian Nilai dan kawasan Tanah Merah, Bukit Pelanduk. Perkembangan dan kemajuan sesuatu kawasan secara dasarnya adalah berpunca dari kemudahan pangangkutan sama ada melalui darat seperti Kuala Lumpur, laut seperti Pelabuhan Kelang dan udara seperti Shah Alam. Pendek kata, dengan adanya Lapanganterbang di Sepang nanti, kawasan yang ada disekelilingnya akan membangun dan tebus-guna tanah akan meluas. Perkembangan Sepang ini juga akan membawa tuah kepada Port Dickson sebagai outlet yang kedua di Negeri Sembilan.

Masalah yang saya kkuatiri ialah tapak penanaman racun di Bukit Nanas. Saya bimbang bahawa kawasan ini akan mempengaruhi pertumbuhan perindustrian di Sekeliling kawasan ini. Pemodal asing atau tempatan tidak mahu membina kilang di situ mungkin kerana masalah buruk atau menjauhi sebarang kemungkinan. Selain dari itu, bolehkah bahan toksid atau bahan lain akan mengganggu penerbangan kapalterbang di kawasan Sepang nanti? Sekiranya atau mungkin dengan kelalaian manusia, kesilapan teknik dan lain-lain kemungkinan terdapatnya kebocoran, maka bukan sahaja mempengaruhi penduduk di sekitar Bukit Nanas, bahkan Lapanganterbang Sepang. Oleh itu, saya, meminta agar pihak berkenaan membuat kajian semula dan carilah satu kawasan yang jauh dari pertempatan dan pembangunan ekonomi negara seperti di banjaran gunung yang ada gua, pulau atau tasik yang tiada nilai ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah menghasilkan tahap produktiviti dan kualiti yang lebih memuaskan, Kerajaan telah menjalankan program penswastan. Program ini amat berkesan dan kini kita telah merasai mutu kerja yang tinggi dan hasil pengeluaran yang baik. Namun demikian terdapat beberapa perkara yang perlu dikaji semula oleh pihak Kerajaan dengan pihak swasta, khasnya Syarikat Tenaga Elektrik Nasional (TEN). Masalahnya ialah selepas penswastan pihak TEN memaksa pemaju perumahan menyediakan tapak untuk membina sub-stesyen elektrik, membeli alat-alat elektrik untuk menjana kuasa, peransangan alat-alat elektrik dan dawai sub-stesyen. Ketiga-tiga perkara yang diatas memakan belanja lebih daripada seratus ribu ringgit. Sesuatu pemaju perumahan akan dipaksa membeli kepada TEN secara percuma. Ini bermakna TEN mendapat keuntungan atas angin sahaja. Pemaju perumahan pula akan meminta kos sub-stesyen dan tapak tanah ini kepada pembeli dan akhirnya mangsanya adalah pengguna.

Persoalannya, daripada kabel elektrik yang melalui kawasan-kawasan tanah hakmilik individu juga dirampas dengan ganti rugi tafsiran Kerajaan atau sesetengahnya tiada apa-apa ganti rugi. Sebaliknya tuan tanah terpaksa membayar cukai tanah setiap tahun termasuk tanah kabel yang tidak mendacangkan apa-apa hasil. Saya rasa keadaan ini kurang adil kepada pihak pengguna atau rakyat. TEN sebagai satu syarikat swasta harus menjalankan kegiatan perniagaan sendiri atau dalara lain perkataan terpaksa membeli semua alat-alat

kemudahan elektrik mengikut: pasaran semasa. Kos ini akan dikutip balik dalam satu jangkamasa melalui bil-bil bulanan pengguna. Kalau kita tidak membeli lembu manalah dapat minuman susu lembu setiap pagi. Jika kita ada lembu terpaksa kita memberi dia makan rumput baharulah ada susunya setiap pagi. Perniagaan TEK perlu dirancang semula supaya sesuai dengan falsafahnya.

Masalah di pejabat Pos pula berlainan. Kakitangan Pejabat Pos terpaksa mencari derma untuk kebajikan ahli-ahli mereka. Ini bermakna pihak Syarikat pos tidak memikirkan kebajikan dan sistem kerja pegawai-pegawai mereka. Saya mendapat tahu bahawa sesetengah pejabat pos tidak mempunyai panel doktor untuk menjaga kebajikan keluarga dan pegawai-pegawainya. Isu kehilangan wang saham MIDF yang membabitkan pegawai Pos mungkin satu titik tolak perlunya pengkajian semula kepada masalah kebajikan sosial pekerja khasnya dan penswastanannya.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberi arahan untuk mendaftar pekerja asing supaya atur-susun semula kekosongan perjawatan di beberapa bidang dan mencegah masalah sosial yang berleluasa. Langkah ini amat wajar sekali untuk mengawal kehadiran pekerja asing ini. Negara kita memerlukan tenaga asing untuk mengisi tempat-tempat kosong, khasnya dalam sektor pertanian dan pertukangan. Angka yang tidak rasmi dalam sektor pertanian adalah 81% buruh kasar dan 50% dalam sektor pertanian. Kedatangan pendatang asing ini tersebar luas secara kelompok di seluruh negara kita dan ini agak terganggu sedikit keselamatan negara jika berlaku perselisihan.

Selain daripada itu, kehadiran pendatang asing ini juga memaksa ramai pemuda-pemuda negara kita berhijrah ke luar negeri. Mungkin alasannya ialah di luar negeri mempunyai gaji yang lebih lumayan, tetapi sekiranya di tanah air sendiri peluang pekerjaan telah dibanjiri oleh pendatang asing yang hanya meminta gaji yang rendah, maka bagaimana mereka boleh bersaing dengan pendatang asing. Ini pada hemat saya, Kerajaan harus memandang serius atas perkara ini kerana pendatang asing ini akan membawa budaya dan corak hidup mereka ke negara kita, Ini akan membentuk satu trend baru dalam masyarakat majmuk. Kemahiran dan perkembangan teknologi negara kita akaa dirasai oleh pendatang asing dan apabila mereka pulang ke negara mereka, maka terdapat kekosongan dan kehilangan pekerja mahir. Kekosongan ini pula tidak dapat dipenuhi oleh pemuda-pemuda kita, maka terbantutlah perkembangan sosial ekonomi kita.

Kehadiran pendatang asing ini juga merampas kegunaan kemudahan awam yang disediakan untuk rakyat Malaysia. Pendatang asing ini tidak membayar cukai pendapatan tetapi mendapat layanan yang sama maka ini amat merugikan negara. Saya mencadangkan bahawa rondaan di pemiran. negara kita perlu diketatkan dan hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pendatang asing ini. Serau pekerja asing mesti datang melalui syarikat atau agensi dan mesti balik ke negara mereka apabila tamat tempoh pekerjaan mereka. Cukai pendapatan mesti dikenakan kepada pekerja asing dengan kadar yang berlainan. Pada pekerja kilang pula kita perlu mengatakan peratusan pekerja tempatan dan juga pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini, tidak lupa juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana berjaya merampas balik Piala Thomas tempoh hari. Kejayaan ini telah meletak negara kita dikaca mata dunia. Kejayaan ini adalah hasil usaha yang gigih dari semua pihak khasnya pemain-pemain badminton kita. Sokongan moral dan keriangannya penonton telah membayangkan serta memberitahu kepada dunia bahawa rakyat "Malaysia adalah sehati sejiwa dan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi untuk bersama-sama mempertahankan maruah bangsa dan negara. Perpaduan yang erat ini haruslah kita banggakan dan merasa sombong di masyarakat dunia. biarlah kita bersama-sama berdoa agar Tuhan akan sentiasa melindungi dan memberkati usaha kita dalam membentuk sebuah negara yang aman,

maju dan bahagian. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

5.42 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Kelapan.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi tahniah di atas perlantikan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalannya yang memperkerusikan sidang Dewan Negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Mudah-mudahan sidang Dewan Negara menjadi tempat perbincangan yang bernilai tinggi,sesuai dengan azam kita menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, menggambarkan bahawa negara Malaysia di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional telah wujud kestabilan polistik, ketenteraman dan kesejahteraan hidup pelbagai kaum hingga kita berjaya melaksanakan semua rancangan pembangunan yang dirancang untuk kemajuan negara kita ini.

Satu perkara yang sangat kita terharu apabila pasukan badminton negara kita berjuang merebut Piala Thomas, sokongan Jari segenap golongan masyarakat berbilang kaum yang menyebabkan pemain kita itu

bersemangat tinggi, untuk melaksanakan tugas menentukan Piala Thomas itu kembali ke negara kita. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Rahim Baba, saya sendiri bersetuju bahawa perbezaan itu sangat jauh dengan 20 tahun yang lalu, semangat kecintaan kepada negara oleh pemain-pemain kita yang bermatian-matian bersungguh-sungguh untuk menegakkan maruah negara kita menyebabkan kita mencapai kemenangan. Semangat sokongan yang begitu erat daripada segala kaum lapisan masyarakat yang kaya, yang miskin menyebabkan kejayaan itu tercapai.

Dalam melaksanakan cita-cita Wawasan 2020, pentadbir negara kita ini merancang semua aspek untuk menuju negara maju, dalam melaksanakan semua hal. Saya oleh sebab hendak menghormati supaya dapat memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain, jadi semua ucapan mengenai peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sebuku sudah saya buat ini terpaksa saya batalkan, kerana menghormati semua kawan-kawan yang belum dapat berucap. Kalau boleh saya hendak tamatkan ucapan sedikit lagi.

Yang kedua, segala ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Dewan Negara yang telah bercakap, saya sendiri bersetuju. Ada juga sedikit-sedikit yang saya tidak bersetuju. Kemudian saya merasakan bahawa perbincangan di Dewan Negara ini adalah perbincangan yang paling baik untuk menentukan perjuangan kita menegakkan negara kita melaksanakan tugas-tugas yang besar. Jadi, oleh sebab saya telah bersetuju, peringkat kebangsaan dan antarabangsa, saya tidak hendak menyambung lagi ucapan kerana kawan-kawan telah memberi ucapan tadi, hanya saya hendak

menyampaikan rayuan daripada Kerajaan Negeri Melaka. Rayuan daripada Kerajaan Negeri Melaka, dalam menuju Wawasan 2020 ini, ada dua, tiga perkara.

Yang pertama, oleh sebab Kerajaan Negeri Melaka telah menggunakan wang begitu banyak kerana menaikkan prestasi kehidupan manusia yang miskin, dan juga melaksanakan bidang pelancongan untuk mendapat kewangan dan juga sebagai negeri yang telah ditugaskan untuk melaksanakan sebagai Muzium Sejarah, kami tidak banyak wang lagi di Melaka untuk melaksanakan dua, tiga perkara yang selama ini sepatutnya kita minta bantuan. Kerajaan. Pusat.

Yang pertama sekali, Kompleks Dewan Undangan Negeri Melaka. Kompleks Dewan Undangan Negeri Melaka ini telah ditubuhkan daripada zaman mula-mula Yang Amat Berhormat Encik Abdul Ghafar bin Baba menjadi Ketua Menteri, Negeri Melaka. Dewan itu kecil sangat, dua, tiga kali sudah terbakar. Dan memang tidak layak lagi diduduki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, oleh sebab itu Kerajaan Negeri Melaka telah bercadang untuk membuat sebuah Dewan yang baru, yang setaraf dengan kemuliaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, tanahnya Kerajaan Negeri Melaka telah menyediakan 11.7 hektar, dan anggarannya tidak banyak, cuma \$50 juta sahaja. Oleh sebab itu, saya melihat Kerajaan Negeri Melaka terkial-kial susahnyanya mengadap pucuk pimpinan dt peringkat pusat untuk mendapatkan \$50 juta. Jadi, saya bersetuju menyokong supaya ucapan ini dapat direkodkan dan didengar oleh Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Pusat dapat menolong mendirikan sebuah Dewan Undangan Negeri yang mulia, yang setaraf dengan prestasi pemimpin-pemimpin yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri

Melaka.

Yang kedua, ada satu kompleks sukan yang telah dirancang begitu lama, kerana tempat sukan tidak ada lagi dalam pekan Itu sehingga Kerajaan Negeri Melaka terpaksa mengambil tanah di luar bandar sedikit untuk membuat kompleks sukan, sebab tidak ada kompleks sukanlah, sebab it;a Negeri Melaka bermain bola, kalah teruk sahaja. Siapa pun dia lawan kalah, tidak pernah menang, walaupun diberi duit, tendang bola sentiasa di dalam sawah sahaja.

Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri Melaka telah meminta Kerajaan Pusat melalui Ketua Setiausaha Negara supaya peruntukan dapat diberi kepada Kompleks Sukan Negeri Melaka. Ini dan kompleks sukan yang lengkap ini bernilai sebanyak \$85.5 juta, tidaklah sebesar Kompleks Sukan di Selangor. Jadi nampaknya oleh sebab Kerajaan Pusat memberi bantuan kepada Kerajaan Selangor begitu banyak, jadi apakah salahnya diberi kepada negeri Melaka yang begitu kecil untuk bantuan sukan supaya sekurang-kurangnya orang Melaka dapat mengambil bahagian dalam bidang sukan. Kalau tidak, orang Melaka semua akan lebih macam saya tak dapat bermain sukan. [Ketawa]

Kemudian berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian ini kita memang lihat banyak ideanya. Dahulu dia suruh kita minum air kelapa muda supaya sihat. Bila saya minum, saya lebih seletih-letihnya. Kemudian dia suruh makan daging arnab. Bila saya makan daging arnab, saya pula melompat seperti arnab! Jadi sekarang rayuan Kerajaan Negeri Melaka cuma meminta Kementerian Pertanian ini memikirkan sawah-sawah dan tanah-tanah yang terbiar. Ada 4,800 hektar tanah di negeri Melaka yang terbiar. Tanah ini sepatutnya dibangunkan, tetapi bila saya melihat siapakah yang hendak bekerja di atas tanah ini? Yang pertama sekali, orang tua-tua yang mengerjakan tanah ini kelmarin telah letih, umur 80 tahun yang hanya boleh duduk minum kopi di warung-warung. Kemudian, anak-anak muda telah mendapat pekerjaan sama ada di peringkat bandar

ataupun di pinggir bandar, mereka ini tidak terdaya lagi hendak mengerjakan tanah. Tetapi ada satu golongan orang yang sederhana tua, umur 40 atau 50 tahun yang tidak bekerja dengan Kerajaan. Kemudian ada anak-anak muda yang bercita-cita tnahu membangunkan tanah terbiar ini, tetapi apabila mereka menyahut semua pucuk pimpinan, tetapi hasil yang didapati tidak memberikan penghidupan kepadanya. Ada pucuk pimpinan mengatakan, "Tanamlah segala tanaman di belakang rumah tuan-tuan". Kemudian, kita pun cuba menanam, keliling rumah itu kita tanam dengan pisang. Tanam sebatang pisang, lepas itu dekat setahun baru dia berbuah. Bila dia berbuah setandan, kita pun tebang, kita makan anak-beranak sahaja dan dapat hasil, begitu juga tanaman cili dan lain-lain. Sedangkan kita dapat melihat dalam Lawatan Perdana Menteri ke negeri Jepun kelmarin, tanah yang hanya 10 hektar sahaja digunakan dengan segala alat moden sains dan teknologi boleh mengeluarkan hasil setahun \$8 juta. Kemodenan alat-alat perkakas serta teknologi yang begitu tinggilah diminta Kementerian Pertanian membawa ke kawasan-kawasan luar bandar supaya pemuda dan juga orang kampung yang masih bertenaga tadi boleh dapat kehidupan yang baik dalam pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awara, negeri Melaka juga merayu. Seluruh tanahair apabila kita meninjau di Kementerian Perusahaan Awam, saya bertanya kepada Kementerian Perusahaan Awam ada 1 juta lebih permit yang diminta oleh rakyat berhubung dengan membawa teksi, permit bas pelancongan, bas sekolah, kemudian lori membawa minyak, lori membawa balak, lori membawa pasir dan lain-lain, jadi tidak bergerak fail itu hingga

sekarang. Rakyat di luar bandar yang memohon plat teksi dan lain-lain, 3-4 tahun Cak-dapat jawapan. Kadang-kadang bila rakyat datang ke Kuala Lumpur dapat melihat badan-badan khas, entah apa badannya, kompi-kompi khas yang boleh mendapat permit teksi sekali harung 500 atau 600 buah. Jadi dia narapak ketidakadilan langsung. Dia tuduh kepada orang kaya diberi permit yang begitu besar. Kepada kami yang miskin ini hendak membawa sebiji ceksi pun tidak diluluskan. Oleh sebab itu, saya harap Kementerian Perusahaan Awam dapat menggecakkan permit teksi ini dan juga permit-permit yang lain diberi. Kenapa hendak disekat? Bila saya bertanya kepada Kementerian kenapa payah sangat hendak dikeluarkan permit: ceksi ataupun permit bas pelancong dan lain-lain, dia kaca, "Kalau beri ramai-ramai, mereka itu semua akan jadi bankrap", Mana kita tahu dia akan bankrap? Bila kita beri kepada orang, kita tengok orang lain itu boleh kaya, kenapa bila kaca hendak beri kepada rakyat, kita memikirkan rakyat akan bankrap dengan permit yang ada. Jadi saya harap Kementerian Perusahaan Awam dapat menyelesaikan permohonan teksi ini dan memberikan permit: itu dengan tidak payah tahan kepada siapa-siapa pun yang memohonnya.

Yang keempat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Biasalah petnimpia-pemimpinnya bercakap supaya kita memberikan kemudahan asas kepada rakyat di luar bandar. Apabila kaca hendak mengadakan pilihanraya, kita pun sama-sama juga dengan Menteri-menteri kita kata, kita akan memberikan kemudahan asas kepada rakyat di luar bandar. Tetapi apabila kita melihat keadaan pembahagian keadilan tentang kemudahan asas ini, balik-balik sentiasa sahaja diletakkan

di dalam bandar pada hal dalam bandar tak pernah orang hendak mengundi Barisan Nasional, sepanjang DAP menang, tetapi dalam bandarlah segala kemudahan asas jalan raya, jambatan, lampu-lampu jalan terang-benderang dan lain-lain. Jadi apabila diberi kepada kawasan dalam bandar sehebat-hebat, jadi penduduk dalam bandar mengatakan buat apa lagi kita hendak sokong Barisan Nasional, dia memang beri kita sebarang kemudahannya. Akhirnya orang-orang di luar bandar merasa sakit hati, Janji kepada luar bandar ini untuk memberikan kemudahan jalan. Cuba lihat betul-betul, di dalam keadaan luar bandar tnasih lagi jalan seteruk-teruknya, terutama jalan hendak pergi ke Rancangan FELDA. Kita tak menyalahkan orang-orang FELDA itu kalau ada perasaan orang-orang FELDA itu hendak berjuang dalam parti Pembangkang, tetapi berilah perkhidmatan kepada mereka dengan kemudahan asas Kemudian telefon pun begitu juga. Dalam bandar, setiap orang sebelah-menyebelah bilik ada telefon.., tetapi di luar bandar, kawasan yang tempat saya menjadi Ketua Partinya di FELDA Machap, PELDA Menggong, FELDA Hutan Percha, Bukit Senggek, cuma ada satu telefon di Balai Polis, itupun telefon itu sudah 20 Tahun lamanya, bila pakai memang kadang-kadang tak boleh digunakan. Berilah kemudahan yang cepat kepada rancangan FELDA dengan kemudahan-kemudahan asasnya.

Berhubung dengan Tabung Haji, ada sedikit silap agaknya Tabung Haji ini oleh sebab setiap tahun ada sahaja masalah berkenaan dengan visa. Oleh sebab kita terlaLu menolong orang-orang yang menyeleweng, saya katalah Tabung Haji ini tunjuk bermurah hati kepada orang-orang yang melakukan penyelewengan. Setiap tahun

Tabung Haji apabila hendak membawa rakyat pergi menunaikan fardhu haji, orang-orang yang tersadai kerana perbuatan sindiket yang dianjurkan. oleh orang-orang yang memang hendak menipu sehingga orang-orang yang hendak pergi menunaikan fardhu haji itu tersadai. Apabila orang pergi haji tersadai, Tabung Haji pun belas kasihan, seluruh ceruk. rantau di negeri ini dicarinya sehingga orang yang tertipu tadi dapat pula pergi menunaikan fardhu haji. Orang yang menipu. itu senang mengatakan bahawa Tabung Hajilah yang menjalankan. penipuan ini, sebab itu dia bersusah payah hendak menolong tuan-puan sekalian. Saya harap supaya jangan berlaku pada masa yang akan datang orang-orang yang celah menipu jemaah haji ini janganlah diberi pertolongan lagi. Biarlah Polis dan Kementerian Dalam Negeri menangkap dan mengambil tindakan kepada mereka itu.

Jadi sebagaimana yang saya janji dalam surat yang saya tulis bahawasanya saya boleh berucap 20 minit dan memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya menyampaikan kehendak-kehendak Kerajaan Negeri Melaka dan juga menyampaikan hasrat yang telah ditugaskan kepada saya dalam Dewan Negara ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamrnualaikum warahrnatullahi taala wabarakatah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Puan Kalthom binti Haji Othman.

6.00 ptg.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.

Sebelum saya bercakap lebih jauh, saya mintalah kepada Yang Berhormat Yang Berhormat supaya tidak mengganggu saya seperti mengganggu Yang Berhormat Tuan Zain kerana saya ini sebenarnya penakut sedikit..

Alhamdulillah, sama-sama kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wa-taala kerana di Dewan yang mulia ini kita dapat sama-sama memberi pendapat dan di samping menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang mana sama-sama kita menikmati pada 27hb April yang lalu yang membayangkan bahawa Baginda sangat-sangat mengharapkan negara kita sentiasa berada di dalam keadaan perpaduan, kestabilan, keamanan dan kemakmuran, di samping mengingatkan rakyat sentiasa berhati-hati. Dengan kata lain, kita hendaklah sentiasa berwaspada dalam menjaga keamanan dan kemakmuran negara dengan melaksanakan atau menjalankan sesuatu perkara dengan penuh bertimbang rasa dan adil. Walaupun dalam Dewan yang mulia ini kita berkali-kali membincangkan masalah pengagihan projek ataupun bantuan kepada rakyat supaya berjalan dengan licin dan adil dalam pembahagian sesuatu, tetapi masih lagi saya kira ternampak ataupun berlaku penyelewengan. Contohnya, seperti di negeri Kelantan,

pembahagian baja masih lagi tidak dapat berjalan dengan adil, masih berlaku 'memilih bulu' dan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita harus berhati-hati dalam melancarkan sesuatu perkara sama ada melalui tindakan, niat dan percakapan...-

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat, ada orang hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Mbhamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya cuma minta penjelasan sebab kalau Yang Berhormat sebut sebentar tadi, iaitu berlaku ketidakadilan berkenaan dengan soal memberi baja, tetapi sedarkah iaitu bahawa Kerajaan Pusat telah memberi \$100 juta kepada Kerajaan Negeri baru-baru ini dan kalau tidak silap saya untuk juga penggunaan bagi municipality, saya tidak ingat berapa juta, jadi apa maksud saya di sini, tidak berlaku adil kalau hanya sebut soal baja, tetapi \$100. juta lebih yang kita beri ini tidak. disebut. Jadi, saya cuma hendak bercakap di sini hendak mengatakan itu, saya minta penjelasan supaya apakah yang saya cakap ini benar atau tidak. Kalau benar, maknanya Kerajaan adil walaupun di Kelantan kita tidak memerintah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri. Sebenarnya apa yang saya katakan di sini, saya akui peruntukan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Kelantan, jelas saya katakan, saya wakil daripada parti Pembangkang, PAS, Pembangkang kepada Barisan Nasional. Pembahagian baja yang

berlaku tidak adil bukan daripada pucuk pimpinan. Peruntukan memang ada, cuma cara pembahagian di Kelantan itu sahaja mengikut saluran-saluran yang tertentu. Senang saya katakan supaya Yang Berhormat Tuan Azman tidak ragu-ragu lagi, mengikut saluran UMNO, Barisan Nasional. Jadi, jelas Kerajaan Kelantan terpaksa mengadakan peruntukan baja kepada rakyat negeri Kelantan yang tidak dapat menerima baja. Jadi saya rasa cukup jelas sebab.....

Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Puan Hajah Zaleha binti Hussia: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua.: Yang Berhormat, ada lagi yang meminta penjelasan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Bajakah? Tidak, minta bajakah?

Tuan Azman Atar bin Othman: Ya, baja, fasal baja. [Ketawa]

Puan Kalthom binti Haji Othman: Kalau fasal baja, insya Allah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Ya, baja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Azman bukan minta baja,[Ketawa] saya rasa minta penjelasan mengenai baja.

Tuan Azman Atar bin Othman: Penjelasan fasal baja. Ya, saya bersetuju apa Yang Berhormat Puan Kalthom sebut tadi di mana saluran itu diserahkan kepada UMNO, jadi merasakan itu adalah tidak adil. Saya hendak beri satu contohi kalaulah Yang Berhormat sendiri sebagai ibu mempunyai satu keluarga yang besar, dalam satu keluarga yang besar itu, 30% keluarga tidak mahu menyokong Yang Berhormat, selalu mengatakan Yang Berhormat ini tidak baik, adakah Yang Berhormat juga akan memberi kepada 30% dalam keluarga Yang Berhormat

tadi? Macam mana Yang Berhormat berbudi pun dia kata tetap tidak berbudi. Saya ingin hendak tahu. Kalau Yang Berhormat mengatakan juga akan beri, saya rasa lebih baiklah Yang Berhormat masuk ke UMNO, Latih kami orang-orang UMNO ini supaya berkelakuan semacam mana Yang Berhormat maksudkan.

Puan. Kalthom binti Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Azman. Saya sebenarnya tadi tidak mahu beri peluang, tetapi saya takut Yang Berhormat naik minyak seperti berlaku kepada Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain..[Ketawa] Minta maaf ya. Sebenarnya kalau saya hendak mentafsirkan masalah itu, saya rasa betul juga kata Yang Berhormat Azman, kalau 30% ada yang tidak menyokong Barisan Nasional, raaka layak Barisan Nasional melakukan sesuatu mengikut keadilan yang ditafsirkan oleh Barisan Nasional. Tetapi Yang Berhormat bertanya kepada saya, kalaulah saya duduk di tempat Yang Berhormat, insya Allah, seboleh-bolehnya mengikut cara Islam, cubalah kita jangan memilih kasih kerana negeri Kelantan itu adalah satu sudut daripada negara Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, cuma secara kebetulan sahaja rakyat di Kelantan memilih 46, dan PAS, ..itu sahaja. Maka menanglah 46 dan PAS. Sudah menang ada di tangan pun kita hendak menolak, saya rasa ini tidak adil. Sudah menang, saya tidak menyalahkan rakyat negeri Kelantan kerana kita parti politik. Saya wakil daripada PAS, Yang Berhormat semua wakil daripada Barisan Nasional, dan kita.....

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya sedang gear empat ini ada pula lagi orang. hendak minta penjelasan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tunggu sekejap ya sebab benda ini belum selesai.

Timbalan Yang di- pertua: Tunggu sekejap ya, Yang Berhormat

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya sudah kata saya ini penakut sedikit. Sekejap-sekejap, banyak yang diganggu, bila banyak diganggu, saya pun panik lalu duduk, tak dapat bercakap. Ini saya minta maaf kepada yang hendak ganggu itu saya minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya nampak tidak panik, tidak panik.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya pun hilang apa yang saya hendak jelaskan tadi. Jadi biar saya tinggalkan, tidak terjelas.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan, Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Fasal Yang Berhormat Puan Kalthom menjelaskan benda ini, saya rasa saya belum berapa faham...

Puan Kalthom binti Haji Othman: Yalah, Tuan Azman....

Tuan Azman Atar bin Othman: Minta penjelasan sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kalthom, beri laluan kepada Yang Berhormat Tuan Azman untuk minta penjelasan atau tidak?

Tuan Azman Atar bin Othman: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya rasa minta maaflah.

Tuan Azman Atar bin Othman: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Minta maaf! Minta maaf,

Tuan Azman Atar bin Othman: Bukan banyak, sedikit sahaja!

Puan Kalthom binti Haji Othman: Minta maaf!

Tuan Azman Atar bin Othman: Alah, sedikit sahaja!

Puan Kalthom binti Haji Othman: Minta maaf!

Tuan Azman Atar bin Othman: Fasal penjelasan itu tidak boleh diberi? Sedikit sahaja. [Ketawa]

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tak, saya merayu, saya merayu minta sedikit sahaja Puan Kalthom.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya pun minta maaf kepada Yang Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ,...macam inilah, dia sudah minta maaf, Senator Azman minta sedikit, saya tidak tahulah sedikit apa yang diminta. [Ketawa] Jadi, kalau sedikit, saya rasa duduklah sekejap, biar.....

Tuan Azman Atar bin Othman: Tak ada, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan daripada.....

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau macam itu duduk sekejap.

Tuan Azman Atar bin Othman: Oleh kerana Yang Berhormat Puan Kalthom mengatakan orang Kelantan sudah memilih 46 dengan PAS, maka 46 dengan PASlah yang memerintah. Cuma saya hendak minta penjelasan, adakah orang ini memilih kerana kempen cara betulkah ataupun cara pembohongan sehingga membuatkan orang kita tertipu dan terpedaya sehingga memenangkan parti PAS dan 46. Satu daripadanya dia berjanji hendak beri \$100 kepada orang tua-tua, mana duit itu? Mana duit itu? Itu yang saya hendak minta penjelasan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Terima kasih. Sebenarnya masalah itu.....

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kalthom, ada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain pula minta penjelasan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya rasa, biar saya yang menjawab [Tepuk] sebab ini hendak kongsi ini. [Ketawa] Saya sudah nampak benda itu sebab benda itu Yang Berhormat sepatutnya soalan tadi ditujukan kepada Yang Berhormat Tuan Mohd, Zain, tetapi soalan \$100 ditujukan kepada saya, silap kerop. [Kecawaj

Timbalan Yang di-Pertua: Ini hendak kerop semula baliklah **ini**. [Ketawal

Puan. Kalthom binti Haji Othman: Jadi, biarlah sebab dia sudah bercakap. Jadi sekarang luangkan kepada saya bercakap, jadi saya. minta maaf saudara Nazri, minta saya boleh bercakap sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berhati-hati dalam melancarkan sesuatu perkara sama, ada melalui tindakan, niat, percakapan. Kita dikurniakan oleh Allah s.w.t tubuh badan yang sihat, merupakan nikmat yang sangat berharga, diberi lidah yang tidak bersendi, merupakan rahmat yang tidak terhingga, dihadiahkan akal fikiran kepada kita merupakan geliga yang amat berharga. Dengan itu, Allah SWT amat mengetahui bahawa anak-anak yang dikurniakan kepada kita tidak cukup kita menjalani sisa-sisa hidup yang ada pada kita, lalu Allah SWT rnengutuskan seorang Persuruh Allah Muhamad s.a.w dengan membawa wahyu ataupun perundangan. ciptaan daripada Allah SWT sendiri, semoga manusia sebagai Khalifah di dunia ini dapat meneruskan hidup melalui garis-garis yang ditentukan oleh Allah s.w.t yang terkandung di dalam Al-Quranul-karim

Tuan Yang di-Pertua, al-Quran adalah suatu Perlembagaan bagi umat manusia yang merasa dirinya sebagai seorang Islam; setelah kita meyakini sebagai seorang Islam, kita menghayati dan kita memahami batas-batas keguguran akidah Islan, barulah kita dapat bercakap dengan licin dan lancar. Kita bebas berkata-kata mengikut kehendak hati dan nafsu, kebetulan lidah kita tidak bertulang, tetapi orang Islam harus ingat dengan izin, 'Faman ya'tnal misqalazarratin khairon yaroh, waman ya'mal misqalazaratin sharron yaroh'. Sebab itulah

saya tidak bercadang untuk bercakap lebih panjang lagi berkenaan dengan hukum hudud, sebab saya sedari saya berada dalam Dewan ini bukanlah golongan daripada ulama dan juga bukan saya daripada ustazah.

Puan Hajah Zaleha biati Hussin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha hendak minta penjelasan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Taan Yang di-Pertua, ayat yang dibaca tadi tidak ditafsirkan kepada kita semua dalam Dewan ini, ayat itu hanya dibaca dalam bahasa al-Quran kalamullah, tetapi saya mmohon izin Yang Berhormat Puan Kalthom mentafsirkannya secara pentafsiran mengikut ulama mufassirin berkenaan ayat tersebut, sebab ayat tersebut belum ditafsirkan lagi. Terima kasih.

Puan Kalthom bin Haji Othman: Saya sengaja tidak tafsirkan ayat itu, sebab saya benar-benar yakin ustazah lebih arif daripada benda ini, daripada saya panjang untuk meleterkan lebih baik saya teruskan kepada ucapan saya dan saya yakin ustazah benar-benar memahami ayat yang sama-sama kita tahu yang terkandung dalam al-Quranul-karim....

Tuaa Haji Hohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Banguu]

Tuau Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yang Berhormat, saya rasa kita beri peluang sedikit kepada Yang Berhormat Puan Kalthom

supaya teruskan sedikit lagi.,. kemudian minta penjelasan sedikit lagi, biar dia teruskan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Penjelasan hukum hudud....

Timbalan, Yang di-Pertua: Ada.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tidak lagi, ugut sahaja. aaya tidak berhenti lagi.[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah SWT, sebab itu saya tidak bercadang untuk bercakap lebih panjang lagi berkenaan dengan hukutn hudud.

Saya bukanlah seorang ulama dan bukanlah juga seorang ustazah, cuma apa yang hendak saya nyatakan di sini bahawa hudud itu adalah salah satu daripada sudut daripada syariat Islam. Oleh kerana itu, sama ada awal pemerintahan atau akhir pemerintahan, saya tidak kisah, cuma saya katakan bahawa orang Islam bertanggungjawab semua dalam syariat Islam, kenapa kita takut sangat dengan hukum hudud.....

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat nampaknya ada yang minta penjelasan boleh, beri laluan?

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya minta sedikit sahaja.Tuan Yang di-Pertua.

Puau Kalthom binti Haji Othman: Banyak sangat minta.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya kebetulan berpaling ke kiri, jadi saya beri kepada Tuan Haji Mohamed Nazri bertanya.

Puau Kalchom binti Haji Othman: Terima kasih.

Tuan Mohamed Nazri bin Haji Othman: Yang Berhormat, pertanyanya tidak berlaku adil kepada ahli Dewan yang lain, bukan semua ustazah; tidak beritahu pada ustazah tidak apa, ustazah tahu tafsiran ayat tadi, tetapi saya tidak tahu, jadi kena beri tafsiran. Satu.

Kedua, saya ingin bertanya iaitu kalau soal hukum hudud tidak boleh diperbincangkan oleh orang yang tidak tergolong dalam ulama, saya hendak tanya apakah agama itu hanya untuk ulama sahaja?

Ketiga, kalau difikirkan iaitu bahawa hukum hudud ini hanya boleh dibincangkan oleh ulama sahaja, maka apakah orang yang terlibat dalam soal politik harus mendapat Sains Politik (3A) dahulu? dan kalau soal ulama atau soal hukum hudud ini hanya boleh dibincangkan oleh orang-orang yang tahu sahaja berkenaan dengan agama, maka mengapa Tok Guru pula sibuk dalam soal politik? Jadi, saya mahu tahu ini sebab saya rasa seolah-olah soal hukum hudud yang ada kaitan dengan rakyat, hanya boleh dibincangkan oleh ulama sahaja, saya rasa ini tidak betul, sebab hukum itu hendaklah diperkenankan kepada semua rakyat, jadi oleh kerana itu rakyat harus tahu, kita tidak boleh hanya duduk terima sahaja, kita harus bincang bersama. Jadi, sebab itu saya terasa, saya makan cili saya

terasa pedas, sebab saya berbincang semalam dalam soal hukum hudud ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat:.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya nampak mereka hendak tahu macam mana pengertian Hadis tadi, kalau tidak tafsir tadi.., ...

Puan Kalthom biani Haji Othman: Ayat Quran.

Timbalan Yang di-Pertua: Ayat Quran. Kalau Yang Berhormat tidak tafsir beri maksud kepada keseluruhannya kerana dalam Dewan ini terdiri daripada berbagai agama.Sila.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita hendak balik kepada pentafsiran itu, sudah kita undur ke belakang dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri yang membuat soalan kepada saya, tetapi saya rasa jawapannya ada di belakang ucapan saya yang hampir habis. Bersabarlah sedikit, saya ada hendak habiskan.

Timbalan Yaag di-Pertua: Silakan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Kenapa kita takut sangat dengan hukum hudud, apakah kita berniat untuk menjadi pencuri, perompak atau penyamun?

Tuan Ng Peng Hay: Minta penjelasan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Kalau kita tidak....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Ng hendak minta penjelasan semula?

Tuan Ng Peng Hay: Saya minta penjelasan berkenaan dengan pelaksanaan hukum hudud, ini bukan bimbang ataupun kluatir, kerana untuk makluman Yang Berhormat dari parti PAS, dalam ajaran agama Buddha, memang Buddha tidak benarkan pengikut mereka kalau membuat kesalahan curi dipotong tangan. Jadi kalau sekiranya PAS hendak melaksanakan hukum hudud biarlah PAS melaksanakan di atas umat-umat Islam, bukan kepada orang-orang yang bukan Islam. Saya sebut demikian kerana dalam satu kenyataan yang disebutkan. oleh Ustaz Abdul Hadi bahawa dia membuat penjelasan kepada masyarakat orang Tionghua, kalau sekiranya hukum hudud dilaksanakan di Kelantan, orang-orang yang bukan Islam pun sama kena menghadapi hukum yang sama. Jadi, itu sebab orang-orang yang bukan Islam seperti saya dengan rakan-rakan saya tidak bersetuju, kerana dalam ajaran agama Buddha, Buddha tidak bersetuju bahawa pengikut-pengikut mereka sekiranya membuat sesuatu kesalahan seperti curi dipotong tangan, kerana agama Buddha lebih memberi ajaran yang mana pengikut-pengikut Buddha ini diberi maaf ataupun ampun kalau dia membuat sesuatu kesalahan, dan di negara kita mempunyai Penal Code jenayah yang mencukupi untuk mendenda dan mendakwa seseorang, sekiranya membuat sesuatu kesalahan....

"Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng, saya rasa elok kita minta penjelasan daripada memberi ucapan mini di sini. Jadi, silakan Yang Berhormat kalau hendak memberi

penjelasan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak masalah hukum hudud ini begitu ghairah dan bimbang sekali, sebab itulah saya menyokong, dan sebenarnya saya juga ingin membuat cadangan, tetapi oleh kerana Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain sudah membuat cadangan, kalau Yang Berhormat memberi penerangan kepada saya, berkenaan dengan agama Buddha yang tidak suka orang-orang beragama Buddha mencuri kerat tangan, saya sekarang bercakap dalam masalah hukum Islam.

Saya bercakap dalam masalah hukum Islam dan saya awal-awal lagi saya mengaku, saya bukannya alim, bukannya ulama, cuma saranan yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain tadi, yang ditanya oleh Yang Berhormat Tuan Azman Atar, ulama yang mana patut diadakan ijtimak ataupun majlis perbincangan.

Sebenarnya saya tadi rasa hendak juga bangun tolong menjelaskan, tetapi oleh kerana saya ini penakut, jadi saya tidak bangunlah. Oleh kerana hukum hudud ini menjadi isu yang begitu hebat di dalam Dewan ataupun di luar Dewan dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri juga berkata tidak adil kalau kita orang politik tidak boleh membicarakan masalah hudud.

Sebenarnya saya tidak mengatakan bahawa orang politik ini tidak boleh membicarakan hal hukum hudud sehingga orang-orang bukan Islam pun boleh untuk membicarakan hal hukum hudud ini, boleh mengkaji perundangan Islam sejauhmanakah Islam memberi keadilan kepada semua manusia yang dijadikan oleh Allah SWT.

Jadi, oleh kerana PAS sebuah parti politik yang berpegang kepada Islam kalau UMNO pun, UMNO kata pegang Islam, tetapi kami pun, kami kata pegang Islam. Jadi, oleh kerana PAS ini sebuah parti politik Islam dan dasar PAS itu sendiri tidak memisah antara politik dengan Islam, maka sebab itulah kita bebas berbincang, tetapi biarlah mengikut landasan-landasan. Yang saya bimbang, lidah saya lancar bercakap, sedangkan saya tidak begitu arif dengan searifnya. Saya bukan ulamak yang muktabar menyebabkan lidah saya mengugurkan aqidah saya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Haji Ahmad bin Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datuk Ahmad minta penjelasan.

"Puan Kalthom binti Haji Othman: Sila.

Datuk Haji Ahmad bin Abdullah: Saya Tidak minta penjelasan fasal hukum-hukum. Saya hendak tahu daripada pihak PAS, hukum hudud yang dikatakan untuk memberi keadilan kepada semua manusia, kemudian Sultan Kelantan sendiri sudah mengatakan dia hanya menghormati etika Al-Quran dan Hadis sahaja, adakah kalau hukum hudud dijalankan, Sultan Kelantan dengan anak buahnya juga kalau melakukan segala perkara dikutuk oleh Allah akan dihukum oleh pucuk pimpinan PAS?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Terima kasih Datuk. Soalan Datuk saya minta maaf, saya tidak boleh memberi Jawapan. Saya lebih baik mengaku kalah daripada saya mengeluarkan sesuatu yang tidak betul. Saya ingat benar Yang Berhormat Tuan Azman Atar berpesan dalam Dewan ini jangan kita banyak berbohong.

Tuan Azman Atar bin Othman: Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat tidak ulamak, mengaku tidak ulamak, tetapi sekurang-kurangnya Yang Berhormat telahpun menyentuh masalah hudud. Dau pada kami, kami menganggap Yang Berhormat adalah lidah penyampai mewakili PAS dalam Dewan ini, Soalan dikemukakan oleh sahabat saya Datuk Ahmad adalah penting, Sebab setahu saya kalau hukum hudud hendak kita laksanakan, kalau pun Kelantan memikirkan hukum hudud mesti dilaksanakan mengikut secara ketika di zaman Rasulullah mula-mula dahulu, walaupun tidak sesuai dalam keadaan sekarang, dia mahu juga. Di zaman Rasulullah dahulu hukum hudud tidak ada sebarang manusia di atas undang-undang. There is nobody above the law, minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Ramai orang tidak faham bahasa Inggeris.

Tuan Azman Atar bin Othman: Minta izin, Tidak ada sebarang manusia di atas undang—undang, terkecuali daripada undang-undang, sekarang pula sudah hukum hudud, maknanya kalau kena pada Sultan atau anak buah Sultan melakukan pencurian, beranikah tidak Negeri Kelantan memotong tangannya setelah mendapat bukti kasalahan? Kalau tidak berani, masih juga menghormati dia Raja, itu hudud apa maknanya, hudud politik namanya, bukan hudud sebenarnya mengikut Al-Quran. Jadi, yang kami hendak minta penjelasan daripada ustazah.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya bukan ustazah. [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya masalah, saya hormati soalan daripada Yang Berhormat sekejap tadi. Cuma saya katakan saya tidak boleh menjawab. Insya Allah, mungkin di sidang

Dewan di masa hadapan saya akan tanya pemimpin saya bagaimana, insya allah, kerana saya lidah daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang dipimpin oleh Kerajaan Kelantan, saya mesti jawab mengikut keputusan Negeri Kelantan, insya Allah. Betullah hukum Allah, tetapi oleh kerana saya mengakui saya ini jahil, jadi saya tidak mahu suara-suara di belakang mengkritik, saya takut Dewan yang mulia ini jadi tidak mulia, minta maaf.

Tuan Ng Peng Hay: [Baagua]

Timbalan Yaag di-Pertua; Yang Berhormat.....

Puan Kalthom biati Haji Othman: Jadi, saya minta pada Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua:ada lagi Yang Berhormat minta penjelasan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya tidak lagi memberi laluan, sebab saya hendak sudah. PAS rnempunyai dasar dan semua kita akan kemukakan setiap apa yang kita lakukan di atas dunia iai kelak di hadapan Allah. Dan insya Allah sama-samalah kita berdoa kepada Allah SWT supaya negara Malaysia ini dalam keadaan aman dan makmur.

Akhirnya, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ng Peng Hay.

6.26 pcg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk meuyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman dan saya mengambil kesempatan ini Menjunjung Kasih

Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Dewan sekalian berhubung dengan pelaburan asing khususnya. Sejak kelonggaran ekuiti asing ditarik balik selepas 31hb Disember, 1990 kemerosotan pelaburan asing jelas menampakkan kurang minat pelabur asing untuk melabur di negara ini. Perbandingan Penyata tahun 1990 pelaburan berjumlah \$29.8 bilion, sedangkan tahun 1991 hanya \$14.2 billion. Sebanyak 55% cadangan projek yang bermodal lebih dari sebilion diterima dalam tahun 1990. Saya membuat anggapan bahawa minat pelabur yang melabur pada tahun 1990 adalah untuk mendapatkan ekuiti asing yang istimewa yang diberikan oleh Kerajaan dan jaminan yang agak kukuh ditawarkan oleh Kerajaan kita. Keadaan ini jelas jika diperhatikan, minat pelabur selepas 31hb Disember, 1990 yang menurun.

Tuan. Yang di-Pertua, secara detail, jikalau dihalusi keistimewaan ekuiti asing bukan sebab-sebab utama. Ada banyak sebab-sebab sumbangan. yang melibatkan kekurangan minat pelabur untuk terus melabur tahun 1991 dan tahun berikutnya. Kelembapan perkembangan ekonomi dan kemerosotan ekonomi setengah-setengah negara dunia juga menjejaskan minat pelabur. Walau. apapun, kestabilan politik Malaysia. adalah satu senjata yang mana minat dan tumpuan pelaburan asing masih kukuh. Apa yang perlu ialah peranan yang dimainkan oleh kita sendiri oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing, dengan iain (FIC), oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri yang mengatur strategi yang konkrit untuk menguatkan minat pelabur dan mengikis sikap yang negatif terhadap Malaysia. Dan juga penting kepada negeri-negeri yang cuba mengimplemenkan sesuatu hukuman yang menakut dan

membimbangkan. pelabur-pelabur yang berpotensi seperti Kerajaan Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan pelabur tentang beberapa masalah pokok seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya. Saya rasa tidak timbul masalah besar. Apa yang penting ialah kesangsian yang mana satu penjelasan dan perbandingan yang beri keuntungan kedua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah ucapan?

Tuan Ng Peng Hay: Ada lagi sedikit, dua tiga perkara lagi.

Timbalan Yang di-Pertua; Dua, tiga perkara, teruskan.

Tuan Ng Peng Hay: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...harus lebih dititikberatkan demi untuk memperkukuhkan keyakinan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian iaitu satu projek yang besar daripada negeri Taiwan berkenaan dengan satu projek besi waja Kerajaan Taiwan yang berbilion ringgit "melalui China Steel Corporation, dengan izin, yang telah ditangguh buat masa ini mengikut keputusan persidangan Parlimen ataupun Legislative Yen Taiwan. Projek besi waja yang bernilai lebih kurang \$6 billion ditangguhkaa sehingga selepas Kerajaan Malaysia bersetuju menandatangani 'Investment Guarantee', dengan izin, dan juga berhubung dengan 'Double Taxacion Agreement', dengan izin. Apa yang saya difahamkan Kerajaan kita masih lagi membuat kajian lanjut berhubung dengan minat China Steel Corporation daripada Taiwan yang ingin melabur di negara ini. Apa yang diharapkaa kajian yang serius dan secara positif wajarlah disegerakan kerana dalam perancangan kilang besi waja tersebut akan beroperasi 1995 yang akan memberi

faedah kepada pengguna tempatan kerana sebahagian besar pengeluarannya untuk dipasarkan dalam negara, di samping menyediakan pekerjaan kepada rakyat negara ini. khasnya di mana kilang tersebut didirikan, Oleh itu, wajar diberikan perhatian agar minat China Steel Corporation daripada Taiwan untuk melabur di negara ini menjadi kenyataan untuk kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan China Steel Corporation daripada Taiwan yang akan melabur di Malaysia ini adalah satu-satunya pelaburan Taiwan yang terbesar yang pernah dirancang oleh Kerajaan Taiwan. Saya amat khuatir penangguhan oleh Parlimen Taiwan ataupun Taiwan Legislative Yen itu akan menjejaskan keyakinan pelabur asing yang berminat melabur di Malaysia, yang lebih memburuk sekiranya press media tidak mendapat gambaran yang jelas apa yang sebenarnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi pandangan....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa saya beri peluang untuk sambung ucapan esok,

Tuan Ng Peng Hay: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yaag di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah 6.30 petang, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewaa ditangguhkaa pada pukul 6.30 petang.